

BAB EMPAT

INSTITUSI PEMBANGUNAN MASYARAKAT ISLAM DI ACEH

Kajian dalam bab ini untuk mencapai objektif yang ke tiga iaitu mengenal pasti institusi pembangunan masyarakat Islam di Aceh. Untuk mencapai objektif tersebut, maka dalam bab ini penulis menggunakan metodologi kajian perpustakaan (library research) dan kajian dokumen dari pemerintah dan swasta. Kajian perpustakaan dilakukan untuk mendapatkan maklumat atau fakta dalam bentuk dokumen dan kajian dari data pemerintah. Program pembangunan masyarakat Islam di Aceh dilakukan mengikut institusi, antaranya adalah institusi keluarga, Masjid dan *Meunasah*, badan dakwah, institusi pendidikan dan pemerintah dengan huraian sabagai berikut:

4.1 Institusi Keluarga

Peranan institusi keluarga dalam masyarakat Aceh setelah pelaksanaan Syariat Islam telah diperkuat dan ditingkatkan kembali dengan diberi tanggungjawab dan kewajiban untuk mendidik anak mengenai ajaran Islam dengan dikeluarkan peraturan daerah dan kanun terutama bagi membangun akidah, syariah dan akhlak dalam keluarga. Mengikut perlakuan undang-undang Syariat Islam di Aceh yang ditetapkan dalam kanun disebutkan bahawa setiap keluarga atau orang tua bertanggungjawab menanamkan akidah, membimbing pengamalan ibadah dan akhlak kepada anak-anak dan anggota keluarga yang berada di bawah tanggungjawabnya.¹ Mengikut kanun pendidikan Aceh dinyatakan bahawa orang tua wajib mendidik anaknya dalam keluarga

¹ Kanun Tentang Pelaksanaan Syari'at Islam Bidang Aqidah, Ibadah dan Syi'ar Islam No. 11, *Op. Cit.*, Bab IV, Pasal 7 (2), 2002).

dan bertanggungjawab atas pendidikan dasar-dasar agamanya, atas kemampuan anaknya dalam usia pendidikan dasar untuk mampu membaca al-Qur'ān dan mengamalkan nilai-nilai Syariat Islam.² Mengikut peraturan pemerintah daerah Aceh disebutkan bahawa, kewajiban membina keimanan dan ketakwaan bukan hanya tugas keluarga tetapi juga pemerintah dan masyarakat. Pemerintah Daerah Aceh bersama-sama institusi masyarakat berkewajiban menanamkan keimanan dan ketakwaan kepada setiap muslim sejak masa kanak-kanak sampai dewasa.³

Institusi keluarga merupakan asas utama dalam membangun dan menyemai pemahaman nilai-nilai Islam kepada anak-anak dan keluarga sebagai teras terpenting dalam membina keluarga bahagia dan melahirkan masyarakat sejahtera. Kewajiban memperkenalkan ajaran Islam yang paling awal dimulai dari keluarga, terutama ibu bapa untuk memberikan pendidikan agama bagi kanak-kanak pada peringkat usia masih kecil lagi. Keluarga atau orang tua dalam Islam berkewajiban membimbing, memberikan pendidikan keagamaan kepada anaknya supaya selaras dengan perintah dalam al-Qur'ān untuk menjaga diri dan mengawasi keluarga dari siksa api neraka. Nikmat yang paling agung adalah memiliki anak, ini merupakan amanah bagi dua orang tua, yang kelak akan diminta pertanggungjawaban, apakah keduanya telah mendidik dan menjaganya atau menyia-nyiakannya.⁴

Dalam masyarakat Aceh, ibu bapa lebih bertanggungjawab pada peringkat permulaan dalam membangun keperibadian dengan mengajarkan ajaran agama kepada anak-anak seperti memperkenalkan ajaran Islam dengan syahadah, ṣalāt, berpuasa,

² Kanun Tentang Penyelenggaraan Pendidikan (Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam), 2008 (Kanun No. 5, Bab IV, Pasal 10 (2,3), 2008).

³ Peraturan Daerah Tentang Pelaksanaan Syari'at Islam, No. 5, *Op. Cit.*, Bab IV, Pasal 6 (2), 2000).

⁴ Muslim Ibrahim (2008), Pendidikan Nilai Budaya Islami Dalam Keluarga, dalam Darwis A. Sulaiman *et al.* (eds.), *Seminar Internasional Pendidikan Berbasis Nilai-Nilai Islami*, Banda Aceh: Majlis Pendidikan Daerah, h.178.

mengajar akhlak, mengenal membaca huruf al-Qur'ān dimulai dari rumah. Apabila anak telah mula mengenal ajaran Islam dan pandai membaca huruf al-Qur'ān dari rumah, baru setiap anak dilanjutkan pendidikan agama di *Meunasah*. Anak lelaki tempat belajarnya di *Meunasah* dan di bawah pimpinan imam *Meunasah* bagi anak perempuan belajar agama di rumah guru perempuan yang biasa di sebut *Teungku Inong*.⁵

Keluarga memikul kewajiban paling utama dan mesti menaruh perhatian yang lebih serius serta melakukan tindakan yang intensif dalam memberi pendidikan agama kepada anak-anak supaya dapat memenuhi tuntutan ajaran Islam dalam memelihara dan mendidik mereka. Keluarga dan pemerintah dapat berusaha melahirkan masyarakat yang hidup dalam suasana keagamaan dengan mempertinggi pengamalan ajaran Islam dalam kehidupan peribadi, keluarga dan masyarakat serta menghidupkan perlakuan Syariat Islam di Aceh untuk menuju kehidupan masyarakat yang lebih sejahtera, aman, tenteram, adil dan tertib guna mencapai keredaan Allah s.w.t.⁶

Tanggungjawab membina anak-anak dan anggota keluarga terpikul dibahu kepada orang tua atau kepala keluarga yang paling utama dalam mendidik, memberi nasihat dan menanam pemahaman tentang ajaran Islam, kemudian baru tugas masyarakat dan pemerintah untuk menggembleng anak-anak agar lebih bertakwa dan meningkatkan amal ibadah. Ketua keluarga yang taat pada agama akan mampu memandu dan memberi pengajaran kepada anggota keluarga untuk lebih beriman, meningkatkan ketakwaan dan dapat mengarahkan anak-anak agar sentiasa

⁵ Ibrahim Husein (1986), Fungsi Dayah/ Pasantren Dalam Pembangunan Masyarakat Kampung, *Sinar Darussalam*, No. 150/151, 1986, Banda Aceh: Y.P.D. Unsyiah-IAIN Ar-Raniry Banda Aceh, h. 57.

⁶ Dinas Syari'at Islam (2006), *Himpunan Undang-Undang Keputusan Presiden Peraturan Daerah Kanun Intruksi Gubernur Berkaitan Syari'at Islam*, Banda Aceh: Dinas Syari'at Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 183.

mengamalkan ajaran agama, berakhlak mulia, berbudi pekerti yang baik dan bersopan santun.

Ketua keluarga atau orang tua menjadi pemimpin dalam rumah tangga untuk mengawasi dan memantau aktiviti anggota keluarga. Ibu bapa berkewajiban untuk menjaga anggota keluarga, memantau anak-anaknya untuk memastikan melaksanakan ajaran Islam dan menjauhkan mereka dari perbuatan kemungkaran dan kejahatan.

4.2 Institusi Masjid dan *Meunasah*

Fungsi Masjid, *Meunasah* telah ditingkatkan dan dipeluas peranannya setelah pelaksanaan Syariat Islam di Aceh dengan dikeluarkan kanun, peraturan daerah dan intruksi gubernur untuk meningkatkan keupayaan dengan memperbanyak ibadah dan mengadakan pelbagai aktiviti sosial keagamaan. Pemimpin kampung diwajibkan memakmurkan Masjid dan *Meunasah* dengan ṣalāt berjama'ah dan menghidupkan pengajian agama.⁷ Bupati, walikota, camat, imam mukim dan ketua kampung bertanggungjawab memakmurkan Masjid, *Meunasah*, dan Surau dengan mendirikan ṣalāt berjama'ah lima waktu, melaksanakan pengajian remaja, pengajian anak dengan taman pendidikan al-Qur'ān, mengadakan pengajian umum, pengajian kaum ibu dan melaksanakan ibadah-ibadah lain secara tertib. Untuk terlaksana aktiviti memakmurkan Masjid dan *Meunasah*, bupati dan walikota diintruksikan memberi bantuan kewangan dari Anggaran Pendapatan Belanja Daerah (APBD) kabupaten dan kota.⁸

⁷ Kanun Tentang Pelaksanaan Syariat Islam Bidang Akidah, Ibadah dan Syi'ar Islam, *Op. Cit.*, (Bab IV, Pasal 9 (2), 2002).

⁸ Intruksi Gubernur Tentang Pembudayaan Kemakmuran Masjid dan Meunasah Dalam Provinsi Daerah Istimewa Aceh (Daerah Istimewa Aceh), 2000 (Intruksi No.05, Bahagian 3 dan 6, 2000).

Penubuhan sarana ibadah di Aceh terus berkembang dan meningkat sesuai dengan penambahan penduduk dan selaras dengan kemajuan zaman seperti *Meunasah* (Surau) di setiap kampung dan Masjid yang terdapat di setiap kemukiman atau kampung. Mengikut data tahun 1990 prasarana ibadah di Aceh berjumlah 10,722 buah, terdiri dari 6,408 buah *Meunasah*, 2,359 buah Masjid dan 1,955 buah Musalla.⁹ Pembangunan tempat ibadah semakin bertambah dari masa ke semasa berdasarkan keperluan masyarakat seperti mendirikan Masjid, *Meunasah* atau Surau jika diperlukan dengan mendapat persetujuan dari pemerintah.

Penambahan tempat ibadah sentiasa meningkat dari tahun ke tahun, menurut data pada tahun 2006, di Aceh kini terdapat 12, 243 buah sarana ibadah terdiri dari 6,969 buah *Meunasah*, 1,955 Musalla dan 3,319 buah Masjid.¹⁰ Setelah dideklarasikan berlakunya Syariat Islam di Aceh pada tahun 2001, maka tempat ibadah masyarakat Islam telah dilakukan transformasi dan diberikan motivasi dengan memperbaiki infrastruktur, mendapat bantuan kewangan, diadakan kursus dan pelatihan bagi pentadbiran Masjid dan *Meunasah* supaya tempat ibadah lebih berkembang dan meningkat sesuai dengan keperluan masyarakat serta berfungsi sebagai wadah pembinaan Syariat Islam. Pendirian rumah ibadah diasaskan pada keperluan nyata dan bersungguh-sungguh berdasarkan komposisi jumlah penduduk bagi pelayanan umat beragama yang bersangkutan di wilayah kelurahan dan kampung.¹¹

⁹ Daerah Istimewa Aceh (1992), *Op. Cit.*, h. 308.

¹⁰ Dinas Syari'at Islam (2006), *Data Masjid Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam*, Banda Aceh: Dinas Syari'at Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h.1.

¹¹ Peraturan Bersama Menteri Agama dan Menteri Dalam Negeri Tentang Pedoman Pelaksanaan Tugas Kepala Daerah /Wakil Kepala Daerah Dalam Pemeliharaan Kerukunan Umat Beragama, Pemberdayaan Forum Kerukunan Umat Beragama dan Penderian Rumah Ibadah (Republik Indonesia), 2006 (Peraturan Bersama No. 8 dan 9, Bab IV, Pasal 13 (1), 2006).

Peningkatan pembangunan tempat ibadah dipengaruhi oleh gagasan pelaksanaan Syariat Islam yang mendorong peningkatan pengamalan ajaran Islam yang memerlukan kepada tempat ibadah yang mencukupi, lebih baik dan sempurna. Dengan pelaksanaan Syariat Islam telah memberi dorongan dan menimbulkan motivasi untuk perbaikan dan peningkatan pembangunan tempat ibadah yang dilakukan oleh masyarakat dan pemerintah pula telah menjadikan Masjid dan *Meunasah* sebagai asas utama menjadi fokus kekuatan dalam mencapai misi pelaksanaan Syariat Islam. Pemerintah Aceh telah memberi bantuan kewangan untuk meningkatkan fungsi dan memperbaiki infrastruktur tempat ibadah supaya selaras dengan keperluan dalam mendukung pelaksanaan Syariat Islam. Pemerintah daerah dan masyarakat berkewajiban membangun, memelihara dan memakmurkan tempat-tempat ibadah umat Islam.¹²

Institusi *Meunasah*, Masjid berfungsi sebagai tempat mendidik dan menyebarkan ajaran agama bagi masyarakat yang berperanan dalam mengontrol dan mengawasi serta menjaga keutuhan kehidupan masyarakat supaya hidup dalam kedamaian, keamanan dan keharmonian. Dalam masyarakat Aceh pengawasan dan pemantauan tentang pelaksanaan keagamaan di kampung berada di bawah kekuasaan imam *Meunasah* dan ketua kampung, imam Masjid dan ketua mukim di wilayah kemukiman. Di peringkat kampung, ketua kampung dianggap sebagai bapa, imam *Meunasah* sebagai ibu yang membimbing dan mengontrol masyarakat, mereka berperanan sebagai ibu dan ayah dalam keluarga kampung, keduanya sentiasa dipatuhi dan ditaati oleh anggota masyarakat, mereka juga melambangkan fungsi kepemimpinan ulama dan umara yang begitu kuat dalam masyarakat Aceh.

¹² Peraturan Daerah Tentang Pelaksanaan Syari'at Islam (Provinsi Daerah Istimewa Aceh), 2000 (Peraturan Daerah No.5, Bab IV, Pasal 9 (2), 2000).

4.3 Institusi Dakwah

Pelaksanaan dakwah dalam masyarakat Aceh setelah penerapan Syariat Islam sudah berkembang dengan baik dan telah diadakan transformasi dengan dikeluarkan peraturan daerah tentang pelaksanaan Syariat Islam di mana setiap individu bebas berdakwah. Setiap orang bebas menyelenggarakan, melaksanakan dakwah Islamiah untuk menubuh kembangkan ajaran Islam, memperkuat persatuan umat dan memperkukuh ukhuwah Islamiyah. Pemerintah daerah Aceh berkewajiban menubuhkan dan mengembangkan institusi dakwah Islamiyah sehingga dapat melahirkan kader-kader dakwah yang memiliki wawasan keislaman dan keilmuan. Setiap anggota masyarakat wajib melaksanakan dan mendukung pelaksanaan amar makruf nahi mungkar sesuai dengan kemampuan yang dimiliki.¹³ Kini pelaksanaan dakwah telah dapat dijalankan secara bebas oleh setiap orang dan organisasi dengan institusi sebagai berikut:

4.3.1 Dakwah Individu

Pendakwah individu telah memainkan peranan utama dalam mengerakkan aktiviti dan menyebarkan mesej dakwah dalam masyarakat Aceh sebagai pengembang tugas para Nabi untuk memenuhi pengembangan ajaran Islam sejak dari dulu lagi. Pendakwah individu telah melaksanakan tanggungjawab dan melakukan kewajiban menyampaikan pesan-pesan dakwah mengikut petunjuk Islam untuk menyelamatkan masyarakat dari kejahilan dan terhindar dari kesesatan. Aktiviti pendakwah individu lebih sering muncul, lebih aktif dan sangat agresif dalam masyarakat kampung dibandingkan pendakwah dari organisasi Islam, majlis tertentu dan badan khas dari

¹³ *Ibid.*, (Bab IV. Pasal 13 (2,3,4), 2000).

pemerintah. Pendakwah perseorangan sentiasa turun padang untuk menabur bakti dalam semua lapisan masyarakat kampung jika dijemput bagi menyampaikan mesej dakwah, memberi motivasi keagamaan, menyampaikan nasihat, memperbaiki situasi dan suasana dengan melaksanakan dan memikul tugas menyeru kepada kebajikan dan mencegah kemungkaran. Menyampaikan dakwah dalam Islam bukan hanya tugas individu tertentu saja tetapi merupakan tanggungjawab semua orang mengikut kemampuan masing-masing.

Kini setelah perdamaian tercapai dan penerapan Syariat Islam di Aceh semua pendakwah individu sudah bangkit semula, telah meningkatkan semangat berceramah, bergiat aktif dan kembali gigih untuk berdakwah telah mencetuskan fenomena baru di tengah-tengah masyarakat dengan diberi kebebasan berdakwah yang dulu dakwah lesu selama konflik bersenjata. Antara pendakwah individu yang terkenal dalam masyarakat Aceh adalah Teungku Muhammad Nur Hasballah, Teungku Mulyadi M. Jamil, Teungku Prof. Dr. Al Yasa' Abubakar, Teungku Prof. Dr. Muslim Ibrahim, Teungku Dr. Azman Ismail, Teungku Abdul Wahed Wahab, Teungku Yusri Puteh, Teungku Abdul Aziz, Teungku Nasruddin Bireuen, Teungku Faisal Hadi dan Teungku Amir Hamzah. Mereka sebagai pendakwah profesional, terkenal dan aktif berdakwah dalam masyarakat Aceh.

Dalam undang-undang pelaksanaan Syariat Islam di Aceh setiap pendakwah diberi kebebasan yang sangat luas tanpa sekatan, tidak perlu bertauliah dan tidak perlu surat izin untuk berdakwah. Setiap orang bebas menyelenggarakan dan melaksanakan dakwah Islamiyah untuk mengembangkan ajaran agama Islam, memperkuat persatuan umat serta memperkuat ukhuwah Islamiyah. Setiap anggota masyarakat wajib melaksanakan dan mendukung pelaksanaan amar makruf nahimungkar, mengikut kemampuan masing-masing.

4.3.2 Institusi Dakwah Bukan Pemerintah

Program dakwah organisasi biasanya dilakukan oleh organisasi Islam yang sentiasa memainkan peranan penting dalam menyebarkan mesej dakwah, meningkatkan pengamalan keagamaan dan menjalankan pelaksanaan Syariat Islam di Aceh. Mereka mempunyai program tersendiri yang khas dalam mengembangkan dakwah. Organisasi Islam yang terdapat cawangan di Aceh antaranya: Muhammadiyah, Nahdhatul Ulama (NU), Jami'atul Wasliyah, Himpunan Mahasiswa Islam (HMI), Pelajar Islam Indonesia (PII), Dewan Da'wah Islamiyah Indonesia (DDII), Dewan Masjid, Persatuan Dayah Inshafuddin dan lain-lain organisasi Islam. Penulis hanya mengambil empat organisasi sebagai sampel dalam mengembangkan dakwah Islamiyah di Aceh iaitu: Muhamamdiyah, Jami'atul Wasliyah, Pelajar Islam Indonesia (PII) dan Dawan Da'wah Islamiyah Indonesia (DDII).

Muhammadiyah organisasi sosial keagamaan dan gerakan Islam moden terbesar di Indonesia. Sebagai organisasi pembaharuan Muhammadiyah tetap konsisten dengan semboyannya kembali kepada ajaran Islam yang murni, iaitu al-Qur'ān dan al-Sunnah.¹⁴ Tujuan utama Muhammadiyah untuk mengajak umat Islam Indonesia kepada sifat tauhid dan cara beribadah yang sesuai dengan ajaran al-Qur'ān dan al-Sunnah, memperbaiki sistem pendidikan umat Islam, menolong golongan miskin dan lemah di samping membekalkan ilmu pengetahuan agama Islam.¹⁵ Organisasi Muhammadiyah adalah organisasi sosial yang tidak melibatkan diri dalam bidang politik, ia hanya

¹⁴ Achmad Jainuri (1995), "Muhammadiyah Sebagai Gerakan Pembaruan Islam" dalam *Gebyar Muktamar Muhammadiyah ke-34 di Banda Aceh 1995*, Banda Aceh: Muktamar Muhammadiyah, h. 46.

¹⁵ Muzlifah (2006), "Perserikatan Muhammadiyah: Sumbangannya di Banda Aceh Indonesia" (*Disertasi, Jabatan Sejarah dan Tamudun Islam Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya*), h. 39.

memfokuskan diri pada pelbagai aktiviti pembaharuan, memurnikan ajaran Islam, sosial dan dakwah.¹⁶

Organisasi Jami'atul Wasliyah Aceh juga banyak bergerak dalam mengembangkan dakwah bagi masyarakat dan berusaha membangun institusi pendidikan, menyantuni anak fakir miskin, memelihara dan mendidik anak yatim, memperbanyak *tahlīl*, *tazkīr* dan pengajaran bagi umat Islam.¹⁷ Program keagamaan Jami'atul Wasliyah antaranya adalah: Program pengembangan dakwah, program dakwah ramadhan dan hari-hari besar Islam, program pelatihan kader Jami'atul Wasliyah, program pendidikan, program kaum muslimah dan pelajar putra putri Jami'atul Wasliyah.

Sementara organisasi Pelajar Islam Indonesia (PII) ditubuhkan sebagai wadah pemersatu belia, pemuda, pelajar dan mahasiswa yang bertujuan menyukkseskan study, pembentukan peribadi muslim, media latihan dan sebagai alat perjuangan yang kemudian dikenal dengan "Empat Catur Bakti PII".¹⁸ Sebagai wadah kepemudaan, PII mengkhaskan aktivitinya dalam bidang pendidikan dan dakwah di kalangan generasi muda dengan rencana program yang kongkrit.¹⁹ Program dakwah Pelajar Islam Indonesia antaranya: Program training dakwah bagi anggotanya seperti program basic training, program training kepimpinan bagi anggotanya, program kader dakwah PII dalam masyarakat, program PII dengan pemerintah daerah Aceh.

¹⁶ Razali Muhammad Ali (2000), "Sumbangan Organisasi Islam Masa Kini Dalam Pengembangan Dakwah Islamiyah di Aceh" (*Disertasi*, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), h. 48.

¹⁷ Al-Wasliyah Banda Aceh (1980), *Hasil Konperensi, Antara Harapan dan Kenyataan*. Banda Aceh: Konperensi Al-Wasliyah, h. 90.

¹⁸ Razali Muhammad Ali, *Op. Cit.*, h. 80-81.

¹⁹ Chalidin Yacob (1993), "Pelajar Islam Indonesia: Sejarah dan Sumbangannya Bagi Pendidikan Masyarakat di Indonesia" (*Disertasi*, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya), h. 19.

Kemudian Dewan Da'wah Islamiyah Indonesia (DDII) juga begitu menumpukan perhatian di bidang dakwah. Penda'i selalu mengisi mimbar Masjid di perkotaan dan juga dikirim sampai ke daerah yang paling terpencil.²⁰ DDII banyak mendorong, memperbaiki dan mengembangkan dakwah serta menghadapi cabaran dakwah di pelbagai daerah. Program dakwah Dewan Da'wah Islamiyah Indonesia antaranya: Program menghadapi arus Kristianisasi dan membasmi ajaran sesat, program pembinaan pondok, program pembinaan kader DDII, program pembinaan majalah media dakwah, program mencegah kemungkar, dan program pembaruan ajaran Islam.

4.3.3 Institusi Dakwah Pemerintah

Program dakwah pemerintah Aceh biasanya dilakukan melalui Departemen atau Dinas dan organisasi yang berada di bawah naungan pemerintah. Dakwah pemerintah dilakukan melalui Departemen Agama, Dinas Syariat Islam dan Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU), yang terdapat di peringkat provinsi dan daerah telah dilakukan untuk mencapai matlamat pembangunan keagamaan. Organisasi lain yang bernaung di bawah pemerintah seperti Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMI), Komite Nasional Pemuda Indonesia (KNPI), dan lain-lain Dinas dan organisasi yang merupakan bahagian dari pemerintahan Aceh turut menyampaikan mesej dakwah.

Pelaksanaan Syariat Islam di Aceh yang dilakukan dalam segala bidang, salah satunya adalah mengembangkan dakwah seperti yang disebutkan dalam Undang-Undang Pemerintah Aceh (UUPA), bahawa: Pelaksanaan Syariat Islam meliputi ibadah, hukum keluarga, hukum perdata, hukum pidana, peradilan, pendidikan, pengembangan dakwah, syiar dan pembelaan Islam.²¹ Pemerintah lebih berkewajiban membentuk badan

²⁰ *Panji Masyarakat*, No. 746, 1993, Pak Nasir Telah Tiada, Jakarta: Yayasan Nurul Iman, h. 11.

²¹ Undang-Undang Tentang Pemerintahan Aceh No. 11, *Op. Cit.*, Bab XVII, Pasal 125 (2), 2006).

dakwah kerana pemerintah punya kekuasaan, memiliki kekuatan dan mempunyai biaya yang mencukupi untuk mengembangkan dakwah Islamiyah.

Institusi dakwah berperanan memantau dan mengawasi pelaksanaan dakwah seperti organisasi Islam dapat mengawasi aktiviti dakwah yang dilakukan dan dapat memantau kelakuan masyarakat yang menjadi anggota organisasi. Pemerintah Aceh telah menubuhkan institusi dakwah yang dapat menyampaikan mesej dakwah untuk semua lapisan masyarakat Aceh dan berperanan sebagai badan pemantau semua aktiviti dakwah yang dilakukan oleh individu, organisasi Islam, badan dakwah dan dakwah yang dilakukan oleh pemerintah sendiri.

Pemantauan dan pengawasan dalam bidang keagamaan setelah diberlakukan penerapan Syariat Islam di Aceh sudah dibentuk satu lagi badan yang khas yang berfungsi melaksanakan tugas dakwah untuk mengawasi dan memantau pelaksanaan Syariat Islam di Aceh yang disebut dengan *Wilayatul Hisbah* (WH) atau Polis Syariat Islam. Wewenang dan tugas *Wilayatul Hisbah* adalah: Menerima laporan pengaduan masyarakat, menyuruh berhenti seseorang yang patut diduga sebagai pelaku pelanggaran, meminta keterangan identiti pelaku, menghentikan kegiatan yang patut diduga melanggar peraturan syariat. Menegur, memperingatkan dan menasihati orang yang patut diduga akan, sedang atau telah melakukan pelanggaran.

a. Pemerintah Aceh Berkewajiban Melaksanakan Syariat Islam

Pemerintah Aceh kini berkewajiban melaksanakan penerapan Syariat Islam di Aceh yang diperkuat dan disahkan dengan Undang-Undang Nomor 44 Tahun 1999, tentang Penyelenggaraan Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh.

Penyelenggaraan keistimewaan Aceh meliputi, penyelenggaraan kehidupan beragama, kehidupan adat, penyelenggaraan pendidikan dan peranan ulama dalam penetapan kebijakan daerah. Penyelenggaraan kehidupan beragama di daerah Aceh diwujudkan dalam bentuk pelaksanaan Syariat Islam bagi pemeluknya dalam masyarakat.²²

Pengesahan undang-undang Syariat Islam di Aceh telah memberi kekuasaan dan wewenang kepada pemerintah Aceh untuk menjalankan ajaran Islam dalam segala aspek kehidupan masyarakat Aceh dengan dikeluarkan kanun, peraturan daerah dan membentuk pelbagai institusi pendukung untuk menyempurnakan pelaksanaan Syariat Islam. Dengan pengesahan pelaksanaan Syariat Islam maka setiap pemeluk agama Islam wajib mentaati, mengamalkan/ menjalankan Syariat Islam secara *kaffah* dalam kehidupan sehari-hari melalui diri peribadi, keluarga, masyarakat dalam kehidupan berbangsa, bernegara dengan tertib dan sempurna.²³

Program pelaksanaan Syariat Islam di Aceh telah dilakukan oleh negara dengan menerapkan nilai-nilai Islam secara efektif untuk menjamin keadilan, kesejahteraan, keamanan dan kemajuan dalam masyarakat. Penerapan ajaran Islam oleh negara dapat menjamin kesejahteraan masyarakat dalam segala aspek kehidupan. Negara memiliki kemampuan dan kekuatan untuk memberlakukan undang-undang Syariat Islam. Ibnu Khaldun menekankan bahawa sebuah negara tidak dapat mencapai kemajuan dan kekuatan kecuali dengan menerapkan syariat.²⁴

Program pelaksanaan Syariat Islam dapat menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan masyarakat Aceh yang sangat kuat mengamalkan dan berpegang pada

²² Undang-Undang Tentang Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh (Republik Indonesia), 1999 (Undang-Undang No. 44, Bab III, Pasal 4 (1), 1999).

²³ Peraturan Daerah Tentang Pelaksanaan Syariat Islam, *Op.Cit.*, (Bab III, Pasal 4 (1-2), 20000.

²⁴ Ibnu Khaldun (t t), *Muqaddimah*, Mesir: al- Maktabah at Tijaryyah al- Kubra, h. 287.

Islam sebagai pandangan hidup. Oleh itu, orang Aceh selalu patuh pada perintah Allah dan Rasulnya. Orang Aceh yakin bahawa ajaran Islam akan dapat mensejahterakan mereka di dunia dan di akhirat kelak.²⁵ Dalam usaha mensejahterakan masyarakat Aceh, maka pelaksanaan Syariat Islam di Aceh bukan hanya dilakukan dalam aspek akidah, syariah, akhlak tetapi mencakup dan merangkumi segala aspek seperti aspek tatanan ekonomi, kewangan, sistem pendidikan, politik, budaya, kesenian, pelayanan kesihatan dan penggunaan ubat yang tidak mengandungi zat haram, aktiviti sukan dan aspek lainnya.²⁶

Dengan dikeluarkan Undang-Undang Keistimewaan Aceh yang mengandungi unsur penyelenggaraan beragama dalam bentuk pelaksanaan Syariat Islam, maka pemerintah Aceh mengistiharkan berlakunya Syariat Islam di Aceh sebagai momentum asas dan teras yang sangat penting dalam menentukan perubahan situasi dan memberlakukan suasana kehidupan dengan undang-undang Syariat Islam. Oleh itu, pada 1 Muharram 1423 H, (15 Maret 2002) oleh Gubernur Aceh Abdullah Puteh mendeklarasikan berlakunya Syariat Islam di Aceh secara *kāffah*.²⁷

Dengan pengistiharan tersebut maka kehidupan beragama bagi masyarakat Aceh diwujudkan dalam bentuk pelaksanaan Syariat Islam merupakan suatu pencapaian dari matlamat pembangunan keagamaan dan hasil dari perjuangan masyarakat Aceh yang sangat bermakna telah dilakukan oleh pemerintah dan negara. Untuk memperkuat penerapan Syariat Islam telah dipertegas lagi dengan dibentuk peraturan daerah provinsi

²⁵ Mulyadi Kurdi (2007), "Revitalisasi Nilai Adat dan Hukum di Wilayah Syari'at" dalam Syahrizal Abbas *et al.* (eds.), *Dimensi Pemikiran Hukum Dalam Implementasi Syari'at Islam di Aceh*, Banda Aceh: Dinas Syari'at Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 24.

²⁶ Arifin Zain (2007), "Syari'at Islam di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam Study Terhadap Problematika dan Implementasinya" dalam Syamsul Rijal *et al.* (eds.), *Dinamika dan Problematika Penerapan Syari'at Islam*, Banda Aceh: Dinas Syari'at Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 90.

²⁷ Rusjdi Ali Muhammad (2003), *Syari'at Islam di Aceh: Menjadi Penonton Atau Pemain* dalam Syahrizal *et al.* (eds.), *Kontektualisasi Syari'at Islam di Nanggroe Aceh Darussalam*, Banda Aceh: Ar-Raniry Press, h. iii.

Aceh tentang pelaksanaan Syariat Islam yang menetapkan bahwa: Ketentuan tentang pelaksanaan Syariat Islam diatur dalam peraturan daerah Aceh, bertujuan untuk pengisian di bidang agama dengan menerapkan Syariat Islam. Maka pemerintah daerah berkewajiban mengembangkan dan membimbing serta mengawasi pelaksanaan Syariat Islam dengan sebaik-baiknya.²⁸

Perlakuan dan pelaksanaan Syariat Islam di Aceh diperkuat lagi dengan lahir Undang-Undang Pemerintahan Aceh (UUPA) tahun 2006 yang disebutkan bahwa: Syariat Islam yang dilaksanakan di Aceh meliputi *'aqīdah, shar'īyah* dan akhlak, yang mencakupi ibadah, *aḥwal al-shakhṣīyah* (hukum keluarga), *muāmalah* (hukum perdata), *jināyah* (hukum pidana), *qaḍā'* (peradilan), *tarbīyah* (pendidikan), dakwah, syi'ar dan pembelaan Islam. Oleh itu, setiap pemeluk Islam di Aceh wajib mentaati dan mengamalkan Syariat Islam.²⁹ Pelaksanaan Syariat Islam di Aceh dilakukan secara bertahap dan berperingkat sesuai dengan kemampuan dan persediaan masyarakat, pemerintah dan para ulama. Syariat Islam yang akan dilaksanakan dipilih bidang-bidangnya mulai dari yang dianggap paling mudah dan perlu terus bertambah sedikit demi sedikit sampai pada suatu saat nanti menjadi sempurna.³⁰

Untuk melaksanakan undang-undang Syariat Islam dengan sebaik-baiknya pemerintah Aceh telah melahirkan kanun-kanun dan pelbagai institusi baru seperti institusi keagamaan, sosial dan ekonomi yang dapat mendukung dan menyempurnakan penerapan Syariat Islam dalam segala aspek kehidupan masyarakat Aceh.

²⁸ Peraturan Daerah Tentang Pelaksanaan Syari'at Islam No. 5, *Op. Cit.*, (Bab II dan Bab III, Pasal 2 (1) dan Pasal 3, 2000).

²⁹ Undang-Undang Tentang Pemerintahan Aceh No.11, *Op. Cit.*, (Bab XVII, Pasal 125 (2), dan Pasal 126 (1), 2006).

³⁰ Al Yasa Abubakar (2005), *Bunga Rampai Pelaksanaan Syari'at Islam (Pendukung Kanun Pelaksanaan Syari'at Islam)*, Banda Aceh: Dinas Syari'at Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 52.

b. Dinas Syariat Islam

Untuk melaksanakan tugas penerapan Syariat Islam yang lebih berkesan dan mencapai matlamatnya maka pemerintah Aceh membentuk Dinas Syariat Islam. Dinas Syariat Islam merupakan badan yang bertanggungjawab di bidang pelaksanaan dan berkewajiban menerapkan Syariat Islam di Aceh. Badan ini dibentuk dengan Peraturan Daerah tahun 2001 tentang susunan organisasi dan tata kerja Dinas Syariat Islam. Dinas Syariat Islam mempunyai tugas melaksanakan tugas umum, dan khusus pemerintah daerah dan pembangunan serta bertanggungjawab di bidang pelaksanaan Syariat Islam.³¹

Tugas dan fungsi Dinas Syariat Islam yang lebih terperinci antaranya untuk: Pelaksanaan kelancaran ketertiban peribadatan, penataan sarana dan melaksanakan dakwah, mengembangkan Syi'ar Islam serta pembinaan institusi-institusi keagamaan Islam. Menyiapkan sumber modal insan yang berhubungan dengan pelaksanaan Syariat Islam dan penegakan hukum syariat. Pelaksanaan bimbingan dan pengawasan terhadap pelaksanaan Syariat Islam di tengah-tengah masyarakat. Merencanakan program di bidang Syariat Islam dan memelihara nilai-nilai Islam. Melakukan penelitian dan pengembangan di bidang Syariat Islam. Melakukan kerja sama dengan institusi penegak hukum syariat, dan membina serta mengawasi institusi pengembangan *tilāwat al-Qur'ān*.³²

Untuk memenuhi tanggungjawab dan terlaksana Syariat Islam secara baik dan sempurna di semua kawasan dan daerah di seluruh Aceh maka Dinas Syariat Islam

³¹ Peraturan Daerah Tentang Susunan Organisasi dan Tata Kerja Dinas Syari'at Islam Provinsi Daerah Istimewa Aceh (Provinsi Daerah Istimewa Aceh), 2001 (Peraturan Daerah No. 33, Bab II, Pasal 3, 2001).

³² Kanun Tentang Struktur Organisasi dan Tata Kerja Dinas, Lembaga Teknis Daerah Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam (Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam), 2007 (Kanun No. 5, Bab III, Pasal 8 dan 9, 2007).

telah dibentuk di peringkat provinsi dan kabupaten/kota, ia adalah kelengkapan daerah sebagai unsur pelaksanaan Syariat Islam di lingkungan pemerintah daerah Aceh yang berada di bawah gubernur.³³ Dinas Syariat Islam memiliki suatu bahagian atau bidang khas tentang dakwah dan peribadatan yang terdiri bahagian dakwah dan syi'ar, penataan sarana peribadatan dan bahagian penyediaan keperluan keagamaan. Bahagian dakwah dan syi'ar bertugas menyediakan fasilitis, mengembangkan aktiviti dakwah, meningkatkan peribadatan dan Syi'ar Islam. Dinas Syariat Islam yang bertanggungjawab melaksanakan Syariat Islam bererti melaksanakan tugas dakwah melalui institusi dengan kekuatan dan kekuasaan untuk memenuhi matlamat pembangunan keagamaan yang dilakukan oleh pemerintah.

Dinas Syariat Islam bertugas untuk memastikan terlaksana ajaran Syariat Islam dengan sebaik-baiknya dan tidak ada pelanggaran undang-undang syariah dalam masyarakat. Dinas Syariat Islam menjalankan dan melaksanakan Syariat Islam dan mengawasi pelanggaran hukum syariah dengan membentuk beberapa jabatan, antaranya ialah:

1). Jabatan Dakwah dan Peribadatan

Jabatan dakwah dan peribadatan melaksanakan aktiviti dakwah dan terlaksana ibadah dalam masyarakat sesuai dengan ajaran Islam. Jabatan dakwah dan peribadatan di bagi atas beberapa bahagian iaitu bahagian dakwah dan syiar, penataan prasarana peribadatan dan pemberdayaan pranata keagamaan dengan melaksanakan tugas, antaranya ialah:

³³ Kanun Tentang Susunan Organisasi dan Tata Kerja Dinas Syari'at Islam No. 33, *Op. Cit.*, Bab II, Pasal 2, 2001).

(a). Melaksanakan Aktiviti Dakwah

Dinas Syariat Islam berkewajiban mengembangkan dakwah ke pelbagai daerah terutama di daerah terpencil dan daerah yang kurang tersentuh dengan aktiviti dakwah. Dinas Syariat Islam mengirim pendakwah, guru mengaji dan pembimbing keagamaan untuk membantu meningkatkan kualiti pengetahuan dan pengamalan agama penduduk di daerah perbatasan Aceh di lima kabupaten/ kota seperti Aceh Tamiang, Aceh Tenggara, Aceh Singkil, Subulussalam dan Seumelu.³⁴ Dakwah yang dilakukan oleh Dinas Syariat Islam merupakan dakwah pemerintah dilaksanakan setelah pelaksanaan Syariat Islam.

(b). Memakmurkan Masjid dan *Meunasah* Dengan *Ṣalāt Berjama'ah*

Dinas Syariat Islam berkewajiban melaksanakan Syariat Islam dengan aktiviti memakmurkan *Meunasah* dan Masjid supaya berjalan lebih di aktifkan dan ditingkatkan lagi untuk memenuhi matlamat pembangunan keagamaan dengan dikeluarkan Intruksi Gubernur No. 05 tahun 2000 tentang budaya memakmurkan Masjid dan *Meunasah* yang tujuannya adalah: Menjadikan Masjid, *Meunasah*, Musalla sebagai tempat ibadah, muāmalah dan pembinaan umat, mendirikan *ṣalāt berjama'ah* lima waktu serta melaksanakan ibadah-ibadah lain secara tertib.³⁵

Program Memakmurkan Masjid dan *Meunasah* dengan *ṣalāt berjama'ah* telah diperkuat dengan dikeluarkan intruksi gubernur bahawa, setiap pemimpin kampung

³⁴ Dinas Syariat Islam (2009), *Kompilasi Pedoman Teknis Operasional Dinas Syariat Islam Provinsi Aceh*, Banda Aceh: Dinas Syariat Islam, h. 31.

³⁵ Intruksi Gubernur Tentang Pembudayaan Kemakmuran Masjid dan *Meunasah* Dalam Provinsi Daerah Istimewa Aceh No.05, *Op. Cit*, Bahagian 3, 2000).

diwajibkan memakmurkan Masjid dan *Meunasah* dengan ṣalāt berjama'ah dan menghidupkan pengajian agama.³⁶ Oleh itu, para pemimpin di pelbagai peringkat, mereka bertanggungjawab atas terwujudnya pembudayaan kemakmuran Masjid, *Meunasah* dan Musalla dengan ṣalāt berjama'ah. Untuk memakmurkan Masjid setiap orang Islam yang tidak mempunyai uzur syar'i wajib menunaikan ṣalāt jumaat. Selama bulan ramadhan masyarakat dianjurkan untuk menggalakkan ṣalāt tarawih dan mengerjakan ṣalāt sunat lainnya.³⁷ Ṣalāt berjama'ah dinilai tinggi dan mulia yang mengandung banyak kelebihan dan menampakkan berkembangnya Syi'ar Islam.

(c). Menghidupkan Pengajian dan Dakwah di Masjid dan *Meunasah*

Dinas Syariat Islam bertugas menghidupkan pengajian di setiap Masjid dan *Meunasah*, untuk memenuhi program memakmurkan tempat ibadah, maka dikeluarkan intruksi gubener yang ditujukan kepada pemimpin kampung. Setiap pemimpin kampung mereka juga bertanggungjawab atas terlaksana pengajian belia atau remaja dan pengajian anak putra-putri dengan mengaktifkan pendidikan al-Qur'an dan terlaksana pengajian umum dan pengajian kaum ibu. Untuk terlaksana instruksi ini supaya bupati/walikota memberi bantuan kepada Masjid, *Meunasah* dan Musalla atau nama lain melalui Anggaran Pendapatan Belanja Daerah (APBD) kabupaten/ kota.³⁸

Dalam usaha menyahut gagasan dan seruan gubernur untuk memakmurkan Masjid dan *Meunasah* dalam memenuhi anjuran pelaksanaan Syariat Islam, maka para

³⁶ Kanun Tentang Pelaksanaan Syari'at Islam Bidang Akidah, Ibadah dan Syi'ar Islam No. 11, *Op. Cit.*, Bab IV, Pasal 9, 2002).

³⁷ *I b I d.*, Bab IV, Pasal 8 dan 10, 2002).

³⁸ Intruksi Gubernur Tentang Pembudayaan Kemakmuran Masjid dan Meunasah Dalam Provinsi Daerah Istimewa Aceh No. 05, *Op. Cit.*, Bahagian 7, 2000).

pemimpin ulama dan umara di peringkat kampung telah melakukan peningkatan dalam beribadah. Aktiviti ibadah selain ṣalāt lima waktu, juga telah dilakukan program pengajian di Masjid dan *Meunasah*, seperti program pendidikan al-Qur'ān, kelas farḍu'in, pengajian orang dewasa, pengajian bagi kanak-kanak dan remaja. Untuk melaksanakan aktiviti dakwah, pemerintah telah mengadakan kursus bagi meningkatkan pembinaan dan kemampuan iman Masjid, khatib, imam *Meunasah*, pendakwah dan guru pengajian.³⁹ Kursus diadakan untuk mencapai matlamat pelaksanaan Syariat Islam.

(d). Memastikan Berpakaian Menutup Aurat

Kewajiban berpakaian menutup aurat mengikut ajaran Islam bagi masyarakat Aceh sudah dilakukan sejak dari dulu lagi, ia sudah menjadi budaya dan adat dalam kehidupan sehari-hari. Setelah dibelakukan Syariat Islam, kewajiban berpakaian yang Islami sudah diperkuat kembali mengikut peraturan daerah dengan ketentuan: Setiap muslim dan muslimah wajib berbusana sesuai dengan ketentuan ajaran Islam, baik dalam kehidupan keluarga, mahupun dalam pergaulan masyarakat. Setiap pemeluk agama selain agama Islam diharapkan menghormati dan menyesuaikan pakaian sehingga tidak melanggar tatakrama dan kesopanan dalam masyarakat. Para pelancong/wisatawan dari luar daerah /luar negara supaya dapat menyesuaikan tindakan, kegiatan dan pakaiannya dengan kehidupan masyarakat Aceh yang Islami.⁴⁰

Ketentuan berpakaian Islami ditetapkan juga dalam kanun tentang pelaksanaan akidah, ibadah dan Syi'ar Islam, disebutkan bahawa: Setiap orang Islam wajib berbusana Islami. Pimpinan institusi pemerintah, institusi pendidikan, badan usaha dan

³⁹ Pemerintah Aceh Tahun 2009, *Op.Cit.*, h. 25.

⁴⁰ Peraturan Daerah Tentang Pelaksanaan Syari'at Islam No. 5, *Op. Cit.*, Bab IV, Pasal 15 (4-5), 2000).

institusi masyarakat wajib membudayakan busana Islami di persekitarannya.⁴¹ Berpakaian Islami bagi masyarakat Aceh menunjukkan ciri-ciri sebagai seorang Islam yang taat, patuh dan berkeyakinan tinggi dalam mengamalkan Islam dan Islam begitu diyakini dan dihayati yang nampak pada tindakan berpakaian dalam kehidupan harian. Berpakaian Islami merupakan bahagian dari dakwah yang menunjukkan kesopanan dan menutup aurat yang menjadi pedoman, rujukan, panduan, contoh teladan dan menjadi ikutan bagi setiap orang.

(e). Tatasusila Pergaulan

Peraturan daerah Aceh tentang pelaksanaan Syariat Islam yang mengatur mengenai ketertiban akhlak masyarakat turut diperkenalkan. Pemerintah Aceh dan institusi masyarakat berusaha mewujudkan tata pergaulan hidup menurut tuntunan Syariat Islam, baik dalam pemerintah mahupun dalam kehidupan keluarga dan masyarakat. Pemerintah Daerah Aceh dan masyarakat berkewajiban mencegah segala sesuatu yang dapat mengakibatkan terjadinya kerosakan akhlak atau keruntuhan moral. Setiap orang atau badan hukum yang tinggal di daerah Aceh berkewajiban untuk menjaga dan mentaati nilai-nilai kesopanan, kelayakan dan bersesuaian dalam pergaulan hidupnya. Pemerintah daerah mengatur tata tertib pergaulan dalam kehidupan bermasyarakat sesuai dengan tuntunan Syariat Islam.⁴² Pergaulan hidup harus di amalkan sesuai dengan ajaran Islam yang telah dipraktikkan dalam tatakrama kehidupan masyarakat Aceh sejak dari dulu lagi.

⁴¹ Kanun Tentang Akidah, Ibadah dan Syi'ar Islam No. 11, *Op. Cit.*, Bab V, Pasal 13 (1-2), 2002).

⁴² Peraturan Daerah Tentang Pelaksanaan Syari'at Islam No.5, *Op. Cit.*, (Bab IV, Pasal 11, (123), 2000).

2). Jabatan Bina Hukum Syariat Islam

Jabatan Bina Hukum Syariat Islam di bagi atas beberapa bahagian iaitu Bahagian perundang-undangan Syariat Islam, bimbingan dan penyuluhan hukum Syariat Islam, dan kerja sama antara institusi penegak hukum. Jabatan bina hukum Syariat Islam menjalankan tugas untuk memastikan semua hukum Islam di amalkan dengan baik oleh masyarakat, menjauhkan perbuatan mungkar dan yang tertentangan dengan hukum Islam, antaranya ialah:

(a). Memastikan Masyarakat Tidak Meminum Khamar

Masyarakat dilarang meminum khamar dan sejenisnya yang memabukkan. Minuman khamar dan yang sejenisnya hukumnya haram. Setiap orang dilarang mengkomsumsikan minuman khamar dan sejenisnya. Setiap orang atau badan hukum/badan usaha dilarang memproduksi, menyediakan, menjual, memasukkan, mengedar, menyimpan, memperdagangkan, menghadiahkan, mempromosikan khamar dan sejenisnya. Setiap orang atau kelompok/institusi masyarakat berkewajiban mencegah perbuatan meminum khamar dan sejenisnya.⁴³ Dalam pasal 26 kanun minuman khamar disebutkan setiap orang yang melanggar aturan tentang meminum khamar dihukum 40 kali cambuk.

(b). Memastikan Masyarakat Tidak Melakukan *Maisir* atau Judi

Masyarakat dilarang melakukan maisir atau judi. *Maisir* atau berjudi hukumnya haram. Setiap orang dilarang melakukan perbuatan *maisir*. Setiap orang, badan hukum

⁴³ Kanun Tentang Minuman Khamar dan Sejenisnya (Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam) 2003 (Kanun No. 12 Bab III, Pasal 5 dan 6 (1), 2003).

atau badan usaha dilarang menyelenggarakan, melindungi atau memberi fasilitas kepada orang yang akan melakukan perbuatan *maisir*. Institusi pemerintah dilarang memberi izin usaha penyelenggaraan *maisir*. Setiap orang, kelompok atau institusi masyarakat berkewajiban mencegah terjadinya perbuatan *maisir*.⁴⁴

Dalam intruksi gubernur dianjurkan untuk memperketat, mempertegas tidak terjadinya perjudian atau sejenisnya seperti judi, buntut, toto, adu bintang. Melarang dan mencegah setiap orang melakukan taruhan pada kegiatan sukan dan perlombaan yang berbau taruhan.⁴⁵ Setiap orang yang melanggar ketentuan berjudi seperti yang disebut pasal 23 dalam kanun *maisir* diancam dengan hukum cambuk di depan umum 12 kali, paling sedikit 6 kali.

(c). Memastikan Masyarakat Tidak Melakukan Khalwat

Masyarakat dilarang melakukan khalwat atau berdua-duaan lelaki dengan perempuan tanpa muhrim. Khalwat atau mesum hukumnya haram. Setiap orang dilarang melakukan khalwat atau mesum. Setiap orang, kelompok masyarakat atau pegawai pemerintah dan badan usaha dilarang memberi fasilitas, kemudahan atau melindungi orang melakukan khalwat atau mesum. Setiap orang baik sendiri mahupun kelompok, masyarakat berkewajiban mencegah terjadinya perbuatan khalwat.⁴⁶

Dalam peraturan gubernur mengintruksikan pembinaan dan peningkatan keimanan, ketakwaan dan membangun akhlak umat dalam bentuk pelarangan terhadap

⁴⁴ Kanun Tentang Maisir atau Perjudian (Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam) 2003 (Kanun No. 13 Bab III, Pasal 5,6,7 dan 8, 2003).

⁴⁵ Intruksi Gubernur Tentang Larangan Judi, Buntut, Taruhan dan Sejenisnya Yang Mengandung Unsur Perjudian (Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam), 2002 (Intruksi No. 04, Bagian Pertama (a) dan (b), 2002).

⁴⁶ Kanun Tentang Khalwat atau Mesum (Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam) 2003 (Kanun No. 14 Bab III, Pasal 4-7, 2003).

setiap orang yang bukan mahramnya untuk berdua-duaan (berkhalwat) pada tempat sunyi dan terhalang dari pandangan umum. Mempertegas ketentuan bagi setiap hotel, restoran, rumah makan, warung kopi, kafeteria, wisma pangkas, salon dan usaha lain yang sejenis tidak menyediakan tempat atau fasilitas yang memberi kesempatan terjadinya perbuatan khalwat.⁴⁷ Setiap orang yang melanggar ketentuan kanun larangan khalwat diancam hukuman berupa dicambuk paling tinggi 9 kali, paling sedikit 3 kali atau didenda 10 juta rupiah.

(d). Pemantauan Ajaran Sesat

Pembangunan akidah telah diperkuat oleh pemerintah dan masyarakat Aceh melalui Dewan Perwakilan Rakyat dengan membentuk kanun dan peraturan daerah tentang akidah umat Islam di Aceh. Menurut kanun No. 11 tentang pelaksanaan Syariat Islam di bidang akidah, syariah dan syi'ar Islam, pasal 4 dan 5 tahun 2002 menyebutkan bahwa pemerintah provinsi, kabupaten/kota dan institusi masyarakat berkewajiban membimbing dan membina akidah umat serta mengawasinya dari pengaruh fahaman dan aliran sesat. Setiap orang berkewajiban memelihara akidah dari pengaruh pahaman atau ajaran sesat. Setiap orang dilarang menyebarkan pahaman atau aliran sesat. Setiap orang dilarang dengan sengaja keluar dari akidah dan menghina atau melecehkan agama Islam.⁴⁸

Peraturan daerah No. 5. tentang pelaksanaan Syariat Islam, Bab IV pasal 5 dan 7 tahun 2000 pula menyebutkan: Setiap muslim wajib mengukuhkan dan mengisi akidah

⁴⁷ Intruksi Gubernur Tentang Tata Pergaulan/ Khalwat Antara Pria dan Wanita (Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam), 2002 (Intruksi No. 05, Bahagian Pertama dan Ketiga, 2002).

⁴⁸ Kanun Tentang Pelaksanaan Syari'at Islam Bidang Akidah, Ibadah dan Syi'ar No. 11, *Op. Cit.*, (Bab III, Pasal 4, dan Pasal 5, 2002).

Islamiyah berdasarkan *Ahl al-sunnah wa al-Jamaah* dalam jiwa dan perilaku peribadinya, keluarga dan masyarakat. Pemerintah daerah bersama-sama dengan institusi masyarakat berkewajiban menanamkan keimanan dan ketakwaan pada setiap muslim sejak masa kanak-kanak sampai dewasa. Pemerintah daerah dan masyarakat wajib mencegah dan membanteras segala bentuk tindakan atau perbuatan yang bersifat *kufur, syirik, khurafat, atheisme* dan gejala-gejala lainnya yang menjurus ke arah itu yang bertentangan dengan akidah Islamiyah.⁴⁹

Untuk melaksanakan ketentuan hukum Syariat Islam dan menjauhkan larangan maka Dinas Syariat Islam sentiasa memberikan pemahaman dan bimbingan kepada masyarakat untuk mengamalkan ajaran Islam dan mencegah dari perbuatan mungkar.

c. Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU)

Sejak dari dulu di masa kerajaan Islam Pasai ulama Aceh berperanan aktif dalam kerajaan. Ulama mengabdikan sebagai penasihat raja yang bertugas mengurus bidang keagamaan. Kerana itu, keterlibatan ulama sebagai penasihat sultan menjadi penting di kerajaan Pasai.⁵⁰ Peranan ulama sebagai penasihat Sultan terus berkembang di masa kerajaan Aceh Darussalam dan sampai kini ulama berperanan sebagai penasihat pemerintah.

Peranan ulama dalam pemerintahan tetap bertahan dan berkembang dari dulu sampai kini, hal ini dapat dilihat bahawa pada awal kemerdekaan, ulama Aceh memainkan peranan penting dalam mempertahankan kemerdekaan dengan membentuk

⁴⁹ Peraturan Daerah Tentang Pelaksanaan Syariat Islam No. 5, *Op. Cit.*, (Bab IV, Pasal 6 dan Pasal 7, 2000).

⁵⁰ M. Hasbi Amiruddin (2002), *Op. Cit.*, h. 121.

Persatuan Ulama Seluruh Aceh (PUSA) pada 5 Mei 1939, bahkan golongan ulama memegang kekuasaan pentadbiran pemerintahan di Aceh pada awal kemerdekaan. Pada tahun 1965 terjadi pemberontakan komunis maka untuk membantu pemerintah dalam memberi fatwa tentang hukum menganut ajaran komunisme maka dibentuklah Majelis Ulama Aceh pada tahun 1975.⁵¹ Setelah itu pada tahun 1975 di masa orde baru di bentuk Majelis Ulama Indonesia (MUI) dan Majelis Ulama Aceh menjadi Majelis Ulama Indonesia (MUI) cawangan Aceh.

Dengan keluar undang-undang tentang Keistimewaan Aceh yang memberlakukan Syariat Islam yang didalamnya melibatkan peranan ulama, maka sudah menjadi suatu keperluan untuk membentuk sebuah badan yang anggotanya terdiri dari para ulama yang bersifat independen dan berfungsi dalam memberi pertimbangan, nasihat terhadap kebijakan daerah, termasuk bidang pemerintahan, pembangunan, kemasyarakatan dan tatanan ekonomi yang Islami.⁵²

Mengikuti undang-undang Keistimewaan Aceh tersebut, maka pemerintah Aceh, membentuk badan baru mengganti MUI iaitu Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) dengan Peraturan Daerah No.3 Tahun 2000 tentang organisasi dan tata kerja Majelis Permusyawaratan Ulama, sebagai badan independen sejajar pemerintah yang bertugas memberi masukan, pertimbangan, bimbingan, nasihat dan saranan dalam menentukan polisi atau kebijakan daerah dari aspek Syariat Islam baik kepada pemerintah mahupun masyarakat di daerah.⁵³ Badan MPU telah dibentuk di peringkat provinsi, kabupaten/kota dan kecamatan untuk mendokong matlamat pelaksanaan Syariat Islam di Aceh. MPU merupakan badan kerja sama untuk membantu antara ulama dan umara dalam memberi

⁵¹ Ismuha (1980), *Sejarah Terbentuk Majelis Ulama Daerah Aceh*, Banda Aceh: Majelis Ulama Aceh, h. 1.

⁵² Undang-Undang Tentang Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh No. 44, *Op. Cit.*, Bab III, Pasal 9 (1) dan (2), 1999).

⁵³ Peraturan Daerah Tentang Pembentukan Organisasi dan Tata Kerja Majelis Permusyawaratan Ulama No. 3, *Op. Cit.*, Bab III, Pasal 4, 2000).

nasihat, bimbingan kepada pemerintah dan masyarakat supaya melakukan kehidupan selaras dengan pelaksanaan Syariat Islam di Aceh.

d. *Wilayahul Hisbah* (WH) atau Polis Syariat Islam

Program membentuk *Wilayahul Hisbah* atau Polis Syariat Islam untuk melengkapi dan memenuhi matlamat keperluan pelaksanaan Syariat Islam supaya berjalan dengan lebih baik dan berkesan maka diperlukan institusi W H sebagai pengawas, pemantau dan penyelidikan. Untuk mewujudkan badan pengawas maka Pemerintah Daerah berkewajiban membentuk badan yang berwenang mengontrol, mengawas (*wilayahul hisbah*) pelaksanaan ketentuan-ketentuan dalam peraturan daerah ini sehingga dapat berjalan dengan sebaik-baiknya.⁵⁴ Oleh itu, untuk memiliki institusi mengontrol dan mengawas, maka *Wilayahul Hisbah* dibentuk dengan keputusan Gubernur Aceh No. 01 tahun 2004 tentang pembentukan organisasi dan tata kerja *Wilayahul Hisbah*.

Wilayahul Hisbah mempunyai tugas dan wewenang antaranya adalah: Memberi tahu kepada masyarakat tentang adanya peraturan perundang-undangan di bidang Syariat Islam. Melakukan pengawasan terhadap pelaksanaan peraturan dan perundangan di bidang pelaksanaan Syariat Islam. Menegur, menasihati, mencegah dan melarang setiap orang yang patut diduga telah, sedang atau akan melakukan pelanggaran terhadap peraturan perundang-undangan di bidang Syariat Islam. Menghentikan kegiatan yang patut diduga melanggar syariat. Melimpahkan perkara pelanggaran di bidang Syariat Islam kepada penyidik.⁵⁵

⁵⁴ Peraturan Daerah Tentang Pelaksanaan Syariat Islam No. 5, *Op. Cit.*, Bab VI, Pasal 20 (1), 2000).

⁵⁵ Keputusan Gubernur Tentang Organisasi dan Tata Kerja Wilayahul Hisbah (Keputusan Gubernur Aceh), 2004 (Keputusan Gubernur No. 01 Bab II, Pasal 4 (1, 2, 3), 2004).

Wilayatul Hisbah yang bermakna badan memberi ingat dan pengawas adalah institusi baru atau badan yang berwenang mengingatkan anggota masyarakat tentang aturan-aturan yang harus diikuti, cara menggunakan dan mentaati peraturan serta tindakan yang harus dihindari kerana bertentangan dengan peraturan dan undang-undang Syariat Islam. *Wilayatul Hisbah* juga berwenang menegur, mencegah dan melarang orang agar terhindar dari perbuatan yang dianggap salah, yang melanggar peraturan agar mereka terhindar dari hukuman.⁵⁶

Untuk merealisasikan dan mencapai matlamat pelaksanaan Syariat Islam secara *kāffah* di Aceh, maka *Wilayatul Hisbah* telah dibentuk di peringkat provinsi, kabupaten/kota, kecamatan, kemukiman, kampung dan kawasan persekitaran lainnya. Kewujudan pasukan polis syariat telah memberi kesan yang baik kepada masyarakat. Kini di peringkat provinsi terdapat 1,500 polis syariat, 60 orang wanita yang menjalankan tugas dengan baik dan menjunjung tinggi undang-undang Syariat Islam. Melihat kepada wewenang *Wilayatul Hisbah*, maka ia merupakan badan yang melakukan tugas-tugas menyampaikan mesej dakwah, di mana mereka memberi ingat, menasihati, melarang dan mencegah supaya orang tidak melakukan kesalahan. Dengan kata lain, *Wilayatul Hisbah* disebut sebagai badan yang bertugas melaksanakan amar makruf dan nahimunkar.⁵⁷ Tugas *Wilayatul Hisbah* adalah melaksanakan misi dakwah dengan menyeru kepada kebajikan dan mencegah kejahatan di dalam masyarakat.

⁵⁶ Al Yasa Abubakar (2009), *Wilayatul Hisbah: Polisi Pamong Praja Dengan Kewenangan Khusus di Aceh*, Banda Aceh: Dinas Syari'at Islam Provinsi Aceh, h. 22.

⁵⁷ Al Yasa Abubakar (2006), *Syari'at Islam di Provinsi Nangroe Aceh Darussalam*, *Op. Cit.*, h. 351.

e. Mahkamah Syar'iyah

Peradilan Syariat Islam disebut juga Mahkamah Syar'iyah, Mahkamah ini telah dibentuk di Aceh pada awal kemerdekaan. Sejak tahun 1946 di Aceh telah dibentuk Mahkamah Syar'iyah yang mengadili perkara-perkara yang berkenaan dengan agama Islam.⁵⁸ Mahkamah Syar'iyah, sejak tahun 1970 berubah menjadi Pengadilan Agama tanpa disebutkan Mahkamah Syar'iyah.

Setelah diberlakukan Otonomi Khusus di Aceh dengan pelaksanaan Syariat Islam maka dibentuk Mahkamah Syar'iyah yang merupakan pengembangan dari Pengadilan Agama yang telah ada. Mahkamah Syar'iyah dibentuk dengan Kanun Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam No. 10 tahun 2002 tentang Peradilan Syariat Islam. Mahkamah Syar'iyah bertugas dan berwenang memeriksa, memutuskan dan menyelesaikan perkara-perkara pada tingkat pertama, dalam bidang: aḥwal al-syakḥṣīyah, muāmalah dan jīnāyah.⁵⁹

Dalam Undang-Undang Pemerintahan Aceh disebutkan bahwa: Peradilan Syariat Islam di Aceh adalah bahagian dari sistem peradilan nasional dalam lingkungan peradilan agama yang dilakukan oleh Mahkamah Syar'iyah yang bebas dari pengaruh pihak mana pun. Mahkamah Syar'iyah merupakan peradilan bagi setiap orang yang beragama Islam dan berada di Aceh.⁶⁰ Program membentuk Mahkamah Syar'iyah untuk mengisi pelaksanaan keistimewaan Aceh yang di dalamnya mengandung perlakuan Syariat Islam yang memerlukan keadilan dan penerapan hukum ajaran Islam.

⁵⁸ *I b i d.*, h. 225.

⁵⁹ Kanun Tentang Peradilan Syari'at Islam (Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam), 2002 (Kanun No. 10 Bab III, Pasal 49, 2002).

⁶⁰ Undang-Undang Tentang Pemerintahan Aceh No. 11, *Op. Cit.*, (Bab XVIII, Pasal 128 (1-2), 2006).

Untuk mengisi dan melakukan keadilan dan hukum mengikut acuan Islam, maka perlu dibentuk Peradilan Syariat Islam di daerah yang diperlukan dan mengikut peringkat kawasan masing-masing. Membentuk Mahkamah Syar'iyah, yang terdiri dari Mahkamah Syar'iyah Kabupaten dan Mahkamah Syar'iyah Provinsi, yang bebas dari pengaruh pihak manapun. Sedangkan Mahkamah Syar'iyah tingkat banding dilakukan pada Mahkamah Agung.⁶¹

Mahkamah Syar'iyah Aceh telah banyak menjatuhkan hukuman cambuk kepada pesalah syariah di depan orang ramai seperti mencambuk penjudi, peminum arak dan pelaku khalwat. Membentuk Mahkamah Syar'iyah sesuai dengan keperluan untuk melaksanakan undang-undang Syariat Islam dan selaras dengan kepentingan masyarakat Aceh. Mahkamah Syar'iyah berfungsi melakukan kebajikan dan melaksanakan tugas dakwah dengan memberi keadilan dan menjatuhkan hukuman.

4.4 Institusi Pendidikan

Pendidikan di Aceh dahulu merupakan pendidikan nasional sama dengan pendidikan di daerah lain di Indonesia. Selepas diberlakukan penerapan Syariat Islam maka bentuk pendidikan di Aceh sudah berubah wajah mengikut pelaksanaan Syariat Islam sejak tahun 2001 di mana menjadikan sistem pendidikan berwawasan Islami. Sumber pemikiran pendidikan Islami hanya terdapat dalam al-Qur-ān dan ḥadith maka tidak perlu mencarai asas yang lain, kerana Allah s.w.t telah mengutus Nabi Muhammad sebagai seorang pendidik.⁶² Pendidikan Islami mengikut kanun pendidikan

⁶¹ Kanun Tentang Peradilan Syari'at Islam No. 10, *Op. Cit.*, Bab I, Pasal 1 dan 2, 2002).

⁶² Abdul al-Fatah Jalal (1977), *Min al-Uṣul at-Tarbawiyah fi al-Islam*, Mesir: Dar al-Kutub al-Misriyyah, h. 7.

Aceh ialah pendidikan yang berasaskan pada dan dijiwai oleh nilai-nilai ajaran Islam.⁶³ Institusi pendidikan di Aceh telah dibangun di pelbagai daerah mulai dari pendidikan taman kanak-kanak sampai ke peringkat perguruan tinggi dan *dayah* adalah untuk mencapai matlamatnya iaitu untuk meningkatkan kualiti modal insan dengan mengembangkan ilmu pengetahuan dan membangun intelektual. Peringkat institusi pendidikan dalam masyarakat Aceh antaranya adalah:

4.4.1 Institusi Pendidikan Sekolah

Program membangun pendidikan telah dilakukan secara berterusan dan memperbaiki semua gedung sekolah yang dibakar selama konflik bersenjata, hancur akibat gempa dan tsunami sudah dibangun kembali dengan gedung baru dan infrastruktur yang lebih baik dan sempurna. Menurut Dinas Pendidikan Aceh, 1.192 unit gedung sekolah rendah dan menengah yang hancur akibat tsunami dan konflik sudah dibangun semula oleh pemerintah dan atas bantuan N G O asing. Program membangun pendidikan sekolah telah dilakukan di pelbagai daerah dan kawasan untuk mengisi keperluan pendidikan bagi masyarakat selaras dengan ajaran Islam untuk mengembangkan ilmu pengetahuan. Pendidikan yang ditubuhkan di Aceh mulai dari Sekolah Taman Kanak-Kanak (Tadika), Sekolah Dasar (SD) atau Rendah, Madrasah (Sekolah Agama), Sekolah Menengah Atas (SMA), Perguruan Tinggi dan *Dayah* untuk meningkatkan pengembangan ilmu pengetahuan yang kini telah direalisasikan dengan program pendidikan Islami.

Adapun jumlah sarana pendidikan yang terdapat dan telah dibangun di Aceh dengan pelbagai peringkatnya dapat dilihat dalam jadual berikut ini.

⁶³ Kanun Tentang Penyelenggaraan Pendidikan No. 5, *Op. Cit.*, Bab I, Pasal I (45), 2008).

Jadual I. Jumlah Institusi Pendidikan di Nanggroe Aceh Darussalam Tahun 2007

No.	Nama Institusi Pendidikan	Pemerintah	Swasta	Jumlah
1	Taman Pendidikan Kanak-Kanak	12	977	989 buah
2	Sekolah Dasar/ Rendah (SD)	3, 140	119	3,259 buah
3	Madrasah Ibtidaiyah (MI)	430	115	545 buah
4	Sekolah Menengah Pertama (SMP)	487	100	587 buah
5	Madrasah Tsanawiyah (MTs)	91	207	298 buah
6	Sekolah Menengah Atas (SMA)	226	107	333 buah
7	Madrasah Aliyah (MA)	74	113	187 buah
8	Sekolah Menengah Kejuruan (SMK)	54	35	89 buah
9	Sekolah Tinggi/ Universiti	4	77	81 buah
Jumlah		4,518	1,850	6,368 buah

Data : Dari Dinas Pendidikan Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam

Institusi pendidikan ini telah ditubuhkan di seluruh Aceh, mulai dari taman kanak-kanak, sekolah rendah dan menengah yang kebanyakan ditubuhkan oleh pemerintah, hanya sebahagian lagi ditubuhkan oleh swasta. Institusi pendidikan tinggi sudah ditubuhkan di pelbagai daerah yang kebanyakan ditubuhkan oleh pihak swasta dan sedikit saja yang ditubuhkan oleh pemerintah. Program pendidikan yang dirancang terus diperkemas setiap tahun untuk melonjakkan perkembangannya dan meningkatkan kualitasnya.

Masyarakat Aceh berhak mendapat pendidikan bermutu dengan sistem pendidikan Islami seperti disebutkan dalam Undang-Undang Pemerintahan Aceh

(UUPA), bahawa: Setiap penduduk Aceh berhak mendapat pendidikan yang bermutu dan Islami sejalan dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi. Pendidikan Islami diselenggara berdasarkan atas prinsip-prinsip demokrasi dan keadilan dengan menjunjung tinggi hak asasi manusia, nilai Islam, budaya dan kemajmukan bangsa.⁶⁴

Gagasan perlakuan pendidikan Islami di Aceh disebut juga dalam Kanun Pendidikan bahawa: Sistem pendidikan nasional yang diselenggara di Aceh didasarkan pada nilai-nilai Islam. Setiap penduduk Aceh berhak mendapat pendidikan yang bermutu dan Islami.⁶⁵ Pendidikan berorientasikan nilai-nilai Islami yang diajarkan pada setiap tingkat sekolah rendah dan menengah mengandungi sejumlah nilai kebaikan yang Islami, seperti yang telah dilaksanakan terdapat 15 nilai Islami harus diajar di sekolah, antaranya adalah: Jujur, amanah, memenuhi janji, sabar, lapang dada, malu, dermawan, kasih sayang, rendah hati (tidak sombong), lemah lembut, kesucian diri, hemah, rajin, bersih dan adil.⁶⁶

Dengan diberlakukan sistem pendidikan Islami, maka setiap penduduk Aceh yang berusia 7 sampai 15 tahun wajib mengikuti pendidikan dasar tanpa dipungut biaya.⁶⁷ Mengikut sistem pendidikan Islami dan undang-undang pendidikan, kini pendidikan di Aceh mulai dari sekolah rendah sampai sekolah menengah sebagai pendidikan percuma tidak dipungut biaya. Sistem pendidikan Islami yang diberlakukan di Aceh dapat terserap nilai-nilai Islam, disesuaikan untuk memenuhi tuntutan pelaksanaan Syariat Islam dan selaras dengan matlamat pendidikan. Oleh itu, sistem pendidikan Islami sesuai dengan keperluan dan menepati keinginan masyarakat

⁶⁴ Undang-Undang Tentang Pemerintahan Aceh No. 11, *Op. Cit.*, Bab XXIX, Pasal 216 (1-2), 2006).

⁶⁵ Kanun Tentang Penyelenggaraan Pendidikan No. 5, *Op. Cit.*, Bab III, Pasal 5 (1) dan Bab IV, Pasal 7 (1), 2008).

⁶⁶ Tim Majlis Pendidikan Daerah Provinsi Aceh (2009), *Buku Pedoman Pelaksanaan Sistem Pendidikan Islami Pada Sekolah dan Madrasah di Aceh*, Banda Aceh: Majlis Pendidikan Daerah (MPD) Provinsi Aceh, h. 21.

⁶⁷ Undang-undang Tentang Pemerintahan Aceh, No. 11, *Op. Cit.*, (Bab XXX, Pasal 217 (1), 2006).

Islam di Aceh dan diselaraskan mengikut acuan ajaran Islam. Peringkat pendidikan sekolah di Aceh terdiri dari:

a. Taman Pendidikan Kanak-Kanak

Pendidikan anak usia dini atau usia pra sekolah ditujukan untuk anak-anak berusia 0 sampai 6 tahun sebelum memasuki jenjang pendidikan dasar. Pendidikan anak usia dini untuk anak 4-6 tahun dapat berlangsung pada Taman Kanak-kanak (TK) atau Raudhatul Athfal/ Bustanul Athfal (RA/BA), Taman Pendidikan al-Qur'ān dan Balai Pengajian yang sederajat.⁶⁸

Program pendidikan usia dini telah dilaksanakan dengan aktiviti pembangunan gedung, pengadaan alat bermain, pemberian subsidi, pengembangan institusi pendidikan usia dini di seluruh kabupaten dan kota. Kegiatan ini ditujukan untuk meningkatkan angka partisipasi kesedaran masyarakat tentang pentingnya pendidikan bagi anak usia dini.⁶⁹ Sekolah Tadika merupakan pendidikan yang paling awal diperkenalkan kepada kenak-kanak sebagai pendidikan rasmi dengan mendidik nilai-nilai yang baik dan Islami. Pada pendidikan Tadika kanak-kanak mulai dibantu untuk memperkenalkan nilai yang positif, mendidik mereka, membimbing dan mengajar kanak-kanak dengan nilai-nilai Islam.

b. Pendidikan Sekolah Dasar (Sekolah Rendah)

Mengikut kanun penyelenggaraan pendidikan Aceh bahawa: Pendidikan dasar merupakan pendidikan yang lamanya belajar sembilan tahun yang melandasi jenjang

⁶⁸ Kanun Tentang Penyelenggaraan Pendidikan No. 5, *Op. Cit.*, (Bab VI, Pasal 25 (2-3), 2008).

⁶⁹ Pemerintah Aceh Tahun 2009, *Op. Cit.*, h. 49.

pendidikan menengah. Sekolah peringkat rendah terdiri dari Sekolah Dasar (SD) sebagai sekolah umum dan Madrasah Ibtidaiyah (MI) sebagai sekolah agama yang lama belajar enam tahun dan Sekolah Menengah Pertama (SMP) dan Madrasah Tsanawiyah (MTs) yang lama belajar tiga tahun, maka keduanya menjadi sembilan tahun termasuk dalam peringkat sekolah rendah. Program Sekolah Dasar, adalah program wajib belajar pendidikan dasar sembilan tahun.⁷⁰

Program Sekolah Dasar (SD) atau sekolah rendah umum setelah pelaksanaan Syariat Islam telah dilakukan perubahan kurikulum menjadi pendidikan Islami telah dapat diwujudkan, maka kedudukan Sekolah Dasar sama nilai dan taraf dengan Madrasah Ibtidaiyah sebagai sekolah agama. Sekolah Menengah Pertama (SMP) sebagai sekolah umum, kini masuk dalam pendidikan dasar atau rendah setelah dijadikan pendidikan berwawasan Islami dengan perubahan kurikulum. Program pendidikan agama selain Sekolah Rendah sebenarnya telah dibentuk di setiap institusi pengajian *Meunasah* sejak dari dulu lagi sebagai pendidikan agama informal yang terdapat di setiap kampung di Aceh. Pendidikan agama *Meunasah* sebagai tempat anak-anak mengaji, belajar al-Qur'ān, mempelajari pengetahuan dasar agama dan sentiasa melakukan praktik ibadah.

Gagasan pendidikan Islami yang dicetuskan di Aceh yang dimulai dari sekolah rendah, sekolah menengah umum dan agama akan dapat direalisasikan secara lebih baik dan berhasil kerana disokong dan ditambah dengan pendidikan agama di peringkat *Meunasah* dan *dayah*. Program pendidikan berwawasan Islami sudah mulai dipraktikkan dan diperkuat asasnya sejak di peringkat sekolah rendah untuk dijadikan sebagai landasan pokok yang penting dan kukuh untuk menuju kearah sistem

⁷⁰ Pemerintah Aceh Tahun 2009, *Op. Cit.*, h. 48.

pendidikan Islami. Untuk memperkuat pendidikan Islami sudah dipertingkatkan dengan ditambah jumlah mata pelajaran agama dan penambahan jam belajar serta memperbanyak usaha menanam nilai-nilai Islam untuk memenuhi citra dan ciri-ciri pendidikan Islami.

Pendidikan sekolah telah melaksanakan program mampu membaca al-Qur'ān bagi pelajar Sekolah Rendah di Aceh. Program ini diwajibkan mengikut intruksi Gubernur Daerah Istimewa Aceh sejak tahun 1990 yang menyatakan bahawa: Bagi setiap murid yang beragama Islam sebelum menamatkan pelajaran pada Sekolah Dasar harus dapat membaca al-Qur'ān dan memahami adat-istiadat.⁷¹ Gagasan mampu membaca al-Qur'ān yang dikeluarkan Gubernur pada masa itu tidak berjalan seperti diharapkan kerana pelbagai hambatan di lapangan. Kini setelah diberlakukan Syariat Islam di Aceh, maka program mampu membaca al-Qur'ān bagi pelajar Sekolah Dasar sudah dipraktikkan dan dihidupkan kembali.

Program mampu membaca al-Qur'ān yang diperkuatkan kembali seperti mana disebutkan dalam Kanun Penyelenggaraan Pendidikan Aceh bahawa: Lulusan Pendidikan Dasar bagi peserta didik muslim disyaratkan mampu membaca al-Qur'ān.⁷² Program ini direncanakan setiap pelajar yang tamat Sekolah Dasar (SD) dan Madrasah Ibtidaiyah (MI) akan mendapat sijil yang menyatakan bahawa di telah mampu membaca al-Qur'ān

⁷¹ Intruksi Gubernur, Kewajiban Tentang Harus Dapat Membaca al-Qur'ān dan Pemahaman Adat-Istiadat Daerah Bagi Murid Sekolah Dasar (Provinsi Daerah Istimewa Aceh), 1990 (Intruksi No, 02, 1990).

⁷² Kanun Tentang Penyelenggaraan Pendidikan No. 5, *Op. Cit.*, Bab VI, Pasal 26 (3), 2008).

dan pelajar yang tidak mampu membaca al-Qurān dengan baik tidak akan diberi ijazah Sekolah Dasar /Madrasah Ibtidaiyah.⁷³

Program mampu membaca al-Qur'ān, diberlakukan mulai tahun 2008-2009, di mana pemerintah Aceh tidak akan mengeluarkan sijil bagi para lulusan Sekolah Rendah atau tamatan Sekolah Dasar dan Madrasah Ibtidaiyah yang tidak mampu membaca al-Qur'ān. Hal ini berdasarkan keputusan Wakil Gubernur tahun 2007 tentang peraturan mampu baca al-Qur'ān. Kemampuan membaca al-Qur'ān bagi pelajar sekolah rendah sentiasa diusahakan oleh pelbagai pihak yang berkaitan dan pemerintah Aceh melalui Dinas Syariat Islam, pihak sekolah dan orang tua pelajar. Mengusahakan agar setiap tamatan SD/MI mampu membaca al-Qur'ān melalui kerja sama antara sekolah dengan pengajian *Meunasah* dan Taman Pendidikan al-Qur'ān terdekat.⁷⁴ Program kemampuan membaca al-Qur'ān turut diarahkan dan dipastikan kembali sampai Sekolah Menengah sebagaimana disebutkan dalam kanun pendidikan bahawa: Pendidikan menengah diarahkan agar peserta didik muslim mampu membaca al-Qur'ān, membaca dan menulis Arab Melayu.

c. Pendidikan Sekolah Menengah

Pendidikan menengah merupakan pendidikan yang masa belajarnya tiga tahun setelah pendidikan dasar yang meliputi pendidikan menengah umum dan pendidikan menengah kejuruan. Pendidikan menengah dapat dilaksanakan pada Sekolah Menengah

⁷³ Al-Yasa Abubakar (2006), *Syari'at Islam di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam*, *Op. Cit.*, h. 186.

⁷⁴ Dinas Syari'at Islam (2009), *Kompilasi Pedoman Teknis Operasional Dinas Syari'at Islam Provinsi Aceh*, Banda Aceh: Dinas Syari'at Islam Provinsi Aceh, h. 29.

Atas (SMA), Sekolah Menengah Kejuruan (SMK), Madrasah Aliyah (MA), Madrasah Aliyah Kejuruan (SAK), Dayah Aliyah atau yang sederajat.⁷⁵ Program pendidikan menengah untuk memenuhi kewajiban mendapat pendidikan sebagaimana disebutkan dalam kanun pendidikan bahawa: Setiap penduduk Aceh yang berusia 7 sampai 18 tahun wajib mengikuti pendidikan dasar dan menengah.

Sekolah Menengah telah dibangun di pelbagai daerah yang diperlukan dan di daerah tertentu dibangun Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) atau sekolah vocational. Program pendidikan menengah ditubuhkan untuk mengembangkan pengetahuan, sikap, ketrampilan pelajar sesuai dengan nilai-nilai Islam yang diperlukan untuk memasuki pasar kerja, melanjutkan pendidikan dan mengabdikan kepada masyarakat. Penubuhan sekolah menengah telah dapat memikul dan memenuhi tanggungjawab agama untuk mengisi kewajiban menuntut ilmu mengikut ajaran Islam. Pendidikan menengah dapat melahirkan modal insan yang berpengetahuan menengah, mengembangkan ketrampilan dan memiliki nilai-nilai agama yang dapat mengembangkan dakwah Islamiyah.

Untuk merealisasikan sistem pendidikan Islami di Aceh bagi pelajar sekolah menengah dan guru diwajibkan *ṣalāt berjama'ah* di sekolah bila waktu tiba. Pemerintah Aceh telah mewajibkan pelajar sekolah melakukan amalan *ṣalāt berjama'ah*, bagi sekolah/ madrasah yang memiliki Surau atau berdekatan dengan Masjid, *Meunasah*, Surau, Musalla agar mewajibkan peserta didik/ santri untuk melaksanakan *ṣalāt berjama'ah* bersama bila waktu telah tiba.⁷⁶ Untuk melaksanakan program *ṣalāt berjama'ah*, maka sekolah harus memiliki surau dan prasarana untuk itu bagi melakukan

⁷⁵ Kanun Tentang Penyelenggaraan Pendidikan No. 5, *Op. Cit.*, Bab VI, Pasal 27 (1-3), 2008).

⁷⁶ Intruksi Gubernur Tentang Pembudayaan Kemakmuran Masjid dan Meunasah Dalam Provinsi Daerah Istimewa Aceh No. 5, *Op. Cit.*, Bahagian 5, 2000).

ibadah di sekolah, jika jauh dengan Masjid dan *Meunasah*. Bagi melaksanakan ṣalāt berjama'ah, maka setiap institusi pemerintah, institusi pendidikan dan badan usaha wajib menegakkan dan menyediakan prasarana untuk ṣalāt berjama'ah.⁷⁷

Program ṣalāt berjama'ah di sekolah untuk mendidik pelajar membiasakan diri dengan ibadah supaya dapat membina keperibadian, menjauhkan kemungkar, mampu mengukuhkan tali persuadaraan sesama pelajar, beribadah ṣalāt di sekolah menunjukkan suasana persekitaran sekolah yang Islami sebagai amalan dan menjadi teladan.

d. Pendidikan Pengajian Tinggi

Pendidikan tinggi menurut kanun penyelenggaraan pendidikan Aceh disebutkan bahawa pendidikan tinggi adalah berbentuk universiti, institut, sekolah tinggi, akademi, politeknik dan *dayah* tinggi yang menyelenggarakan pendidikan dalam sejumlah bidang/disiplin ilmu. Pendidikan tinggi bertujuan untuk menyiapkan pelajar menjadi anggota masyarakat yang memiliki kemampuan akademik yang dapat mengembangkan dan menerapkan ajaran agama, ilmu pengetahuan, teknologi dan seni. Pendidikan tinggi di Aceh berusaha meningkatkan kemampuan akademik modal insan masyarakat Aceh yang berkualiti dan berintegriti.

Pendidikan tinggi atau universiti telah ditubuhkan di Aceh di pelbagai daerah terutama di kota-kota dan di setiap kabupaten telah terdapat sekolah tinggi, yang kini menurut data dari pejabat Gubernur Aceh tahun 2008 di Aceh terdapat 81 buah Sekolah Tinggi dan Universiti. Dari jumlah itu hanya empat universiti yang dimiliki oleh

⁷⁷ Kanun Tentang Pelaksanaan Syari'at Islam Bidang Aqidah, Ibadah dan Syi'ar Islam No.11, *Op. Cit.*, Bab IV, Pasal 9 (1), 2002).

pemerintah iaitu Universiti Syiah Kuala, Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Banda Aceh, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Malikussaleh di Lhokseumawe, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Zawiyah Cot Kala di Langsa dan yang selebihnya adalah milik swasta.

Universiti milik pemerintah di Aceh seperti Universiti Syiah Kuala yang ditubuhkan pada tahun 1963 dan IAIN Ar-Raniry yang ditubuhkan tahun 1964 keduanya sebagai universiti yang tersohor, unggul dan berkualiti di Aceh yang dikenal sebagai jantung hati rakyat Aceh. Untuk memenuhi perkembangan metod dan gerakan dakwah selaras dengan kemajuan teknologi dan infomasi semasa, maka Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Banda Aceh telah membuka Fakulti Dakwah sejak tahun 1968, yang khas menangani permasalahan dakwah dan menggarap pelbagai metod dakwah yang sesuai dengan perkembangan semasa dan keperluan sasaran.

Kewujudan Fakulti Dakwah telah banyak melahirkan pendakwah-pendakwah mahir yang terdidik sesuai dengan kemajuan ilmu pengetahuan dan keperluan masyarakat Aceh masa kini. Pada masa kini banyak intelektual muslim atau pendakwah lepasan Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry, terutama dari Fakulti Dakwah telah mampu berdakwah dengan baik dan sempurna. Mereka boleh dikatakan sebagai pendakwah yang sudah profesional dalam bidangnya masing-masing.⁷⁸ Pelajar Fakulti Dakwah boleh berdakwah dengan contoh dan teladan yang baik dengan sifat kejujuran, keadilan dan amanah yang menjadi penarik dan sebagai ikutan bagi masyarakat.

⁷⁸ Razali Muhammad Ali, *Op. Cit.*, h. 42.

4.4.2 Institusi Pendidikan *Dayah* (Pondok)

Institusi pendidikan *dayah* sebagai pendidikan Islam tradisional sudah tumbuh dan berkembang sejak Islam masuk ke Aceh. Pendidikan *dayah* terus berkembang dalam masyarakat Aceh dengan sistem sangat tertutup dan tersendiri yang tradisional, kini kebanyakan *dayah* di Aceh sudah membuka diri dan telah menerima banyak pembaruan dan perubahan yang dimulai sejak tahun 1968, dengan dibentuk organisasi Persatuan Dayah Ishafuddin. Di bawah organisasi ini *dayah* sudah mulai menerima perubahan yang mempengaruhi corak dan warna kehidupan *dayah* yang lebih berkembang dan membangun ke arah kemajuan. Kini untuk mempercepat program pembangunan dan pembaharuan di *dayah*, maka pada tahun 2006 pemerintah Aceh telah menunjukkan kesungguhan dan komitmen yang tinggi untuk membangun *dayah* dengan membentuk suatu badan baru yaitu Badan Pengembangan dan Pendidikan Dayah (BPPD) yang khas untuk menangani pelbagai persoalan dan melakukan transformasi pembangunan *dayah*.

Menurut sejarah *dayah* merupakan institusi pendidikan Islam tertua di Aceh, ia sudah didirikan pada abad ke-tiga hijrah pada masa kerajaan Islam *Peureulak* yang terdiri dari *Dayah Cot Kala*, *Dayah Blang Peria*, serta *Dayah Jami'ah Baiturrahman* pada masa kerajaan Aceh.⁷⁹ *Dayah* terus tumbuh mengikut zaman, berkembang secara berkesinambungan dan hidup secara berterusan sampai kini. Menurut data pejabat gubernur Aceh tahun 1992 jumlah *dayah* di Aceh 470 buah dan terus bertambah dari masa ke semasa. Data terkini menurut Departemen Agama Nanggroe Aceh tahun 2007 *dayah* di Aceh terdapat 857 buah, terdiri dari *Dayah Salafiyah* 267 buah, *Dayah*

⁷⁹ Ali Hasjmy (1986), Peranan Agama Islam Sebagai Landasan dan Motor Pengerak Dalam Proses Pembangunan di Daerah Istimewa Aceh, *Sinar Darussalam* No. 156/157, Banda Aceh : Y.P. D Unsyiah-IAIN Ar-Raniry Darussalam, h. 586.

Khalafiyah 97 buah dan kombinasi keduanya 493 buah yang berjumlah 857 buah.⁸⁰ Dalam masa kurang dari sepuluh tahun *dayah* di Aceh terus bertambah dan berkembang sebagai warisan pendidikan Islam untuk generasi akan datang. *Dayah* masih memainkan peranan strategis sebagai pusat institusi pendidikan Islam yang masih diminati ramai dan menjadi sumber penyebaran dan pengembangan dakwah Islamiyah.

Program dan sistem pendidikan *dayah*, sebahagiannya masih tradisonal yang disebut *Dayah Salafiyah* yang masih terikat dengan tradisi lama belajar kitab klasik pada satu mazhab dan tidak banyak menerima pengaruh dari luar. Sistem pendidikan di *dayah* dapat dibagi tiga peringkat. Pertama, pendidikan *Meunasah* sebagai pendidikan dasar. Kedua, pendidikan *Rangkang* sebagai pendidikan menengah. Ketiga, pendidikan *Bale* sebagai pendidikan tinggi.⁸¹ Kini *Dayah* terus berkembang sesuai keperluan semasa dengan tumbuh *dayah* moden yang menggabungkan sistem *dayah* dengan sekolah dan sentiasa dilakukan pengawasan dan pemantauan untuk terus berkembang dan maju.

Menurut kanun penyelenggaraan pendidikan Aceh tahun 2008 tentang pengawasan, pemantauan, evaluasi dan akreditasi pendidikan, pada bahagian kesatu dan kedua, pengawasan dan pemantauan penyelenggaraan pendidikan disebutkan: Masyarakat berhak dan berperanan serta dalam pengawasan penyelenggaraan pendidikan sesuai dengan peraturan perundang-undangan. Pemerintah Aceh dan pemerintah kabupaten/ kota bertanggungjawab atas pengawasan yang efektif terhadap proses belajar mengajar pada semua jenjang dan jenis pendidikan sesuai dengan kewenangannya. Pengawasan satuan pendidikan oleh pemerintah kabupaten/kota

⁸⁰ Data Emis, Education Management of Information System, Pondok Pasantren, Bidang Pendidikan Keagamaan dan Pondok Pasantren Kantor Wilayah Departemen Agama Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam Tahun 2006-2007.

⁸¹ Ibrahim Husein (1986), *Op. Cit.*, h. 59.

dikeordinasikan oleh pengawas di tingkat provinsi dan pengawasan terhadap satuan pendidikan dilakukan secara berjenjang dari tingkat provinsi hingga kabupaten/ kota.

4.5 Institusi Swasta

Institusi swasta terutama dari pihak asing telah banyak membantu masyarakat Aceh setelah tsunami untuk membangun kembali Aceh dari kemusnahan dan kehancuran. Institusi swasta dan pihak asing yang membangun Aceh telah menyalurkan dana antaranya :

4.5.1 Institusi Badan Rehabilitasi dan Rekontruksi (BRR)

Setelah terjadi gempa bumi dan tsunami serta dimaterai perjanjian damai antara Gerakan Aceh Merdeka (GAM) dengan pemerintah, maka program bantuan telah disalurkan ke Aceh oleh pelbagai negara, NGO asing dan badan-badan swasta untuk membangunkan kembali Aceh yang hancur akibat tsunami dan pergolakan politik. Bantuan biaya dari pelbagai negara dan NGO asing untuk membangun kembali Aceh, telah disalurkan kepada suatu badan iaitu Badan Rehabilitasi dan Rekontruksi (BRR) Aceh dan Nias yang ditubuhkan oleh pihak swasta dan pemerintah pada tahun 2005, sedangkan bantuan untuk menangani dan penyelesaian perdamaian serta konflik antara GAM dan pemerintah dilakukan oleh Badan Reintergrasi Aceh (BRA) yang khas menyelesaikan masalah yang menyangkut tentang keamanan dan perdamaian. Di samping itu terdapat juga NGO dan badan swasta yang berkerja sendiri dalam membangun dan memberi batuan langsung kepada masyarakat korban tsunami, seperti Save The Children, Aceh Relief, Muslim Aid dan lain-lain NGO.

Badan Rehabilitasi dan Rekonstruksi telah menerima dana bantuan asing berjumlah AS\$ 7,2 billion atau RM 24,9 billion sampai bulan Disember 2008 setelah empat tahun bencana tsunami. BRR telah membangun 140,000 unit rumah untuk masyarakat Aceh dan Nias, 1.488 unit sekolah, 3.585 jalan dan jembatan, 12 bandara, 20 buah pelabuhan laut dan 1.047 sarana kesihatan yang hancur akibat tsunami yang telah menelan biaya AS\$ 6,7 billion atau RM 23,2 billion.⁸²

Program membangun infrastruktur asas yang dilakukan BRR adalah membangun jalan raya dan jembatan di pelbagai daerah yang hancur akibat tsunami, menyediakan sumber air bersih bagi masyarakat dan menyediakan tempat penampungan sementara sebelum rumah siap dibina. Badan Rehabilitasi dan Rekonstruksi telah membentuk badan Export Developmen Center atau pusat pengembangan ekspor untuk mendukung ekspor hasil bumi dan pelbagai produk potensial Aceh ke luar negara.⁸³

Program bantuan asing akan terus membantu Aceh setelah Pemerintah Aceh meminta lembaga-lembaga donor yang selama ini membantu membangun Aceh pasca tsunami akan bertahan membantu Aceh sampai tahun 2011. Persetujuan itu dilakukan pemerintah Aceh bersama dengan Bank Dunia, Asian Developmen Bank (ADB), UNHCR, ILO, serta Palang Merah Internasional kini sedang malakukan penyusunan dokumen kerangka kerja yang dinamakan Aceh Recovery Frame (ARF).⁸⁴ Kebijakan meminta bantuan dari dunia internasional itu tampaknya cukup berhasil dunia internasional sendiri tampaknya masih berkeinginan untuk meneruskan projek di Aceh.

⁸² Pejabat Badan Rehabilitasi dan Konstruksi Aceh-Nias, Banda Aceh, Data Laporan Tahun 2009.

⁸³ *Serambi Indonesia*, Februari 21, 2008, 8 “Pusat Pengembangan Exspor Diresmikan”.

⁸⁴ Usman Budiman, Asisten II Bidang Ekonomi Setda NAD (2007) “Lembaga Donor Diminta Bertahan di Aceh” *Serambi Indonesia*, November 25, h. 1.

4.5.2 Institusi Badan Reintegrasi Aceh (BRA)

Badan Reintegrasi Aceh bertugas menyelesaikan isu perdamaian dan politik antara Gerakan Aceh Merdeka (GAM) dengan Pemerintah Indonesia yang ditandatangani di Helsinki Finlandia pada bulan Agustus 2005. Badan ini dibentuk dan dibiayai oleh pihak asing dan pemerintah Indonesia untuk menyelesaikan masalah pemulihan keamanan dan reintegrasikan para anggota GAM ke dalam masyarakat Aceh. Badan ini dan pihak asing telah bekerja keras menyelesaikan berbagai persoalan yang menyangkut isu politik dan perdamaian antara pemerintah dan GAM berjalan dengan baik dan lebih sempurna. Bantuan tahap pertama diberikan 250 miliar Rupiah dan tahap kedua 450 miliar Rupiah yang dianggarkan untuk menyelesaikan konflik akibat peperangan.

Program Badan Reintegrasi Aceh seperti program penyaluran dana pemberdayaan ekonomi untuk 3000 mantan anggota GAM dan program membangun rumah sebanyak 8.100 unit untuk masyarakat yang hancur akibat konflik bersenjata. Program pemberian modal usaha untuk 2.000 orang tahanan yang dilepaskan dari penjara, program pemberdayaan ekonomi untuk masyarakat yang terkorban akibat konflik sebanyak 10.000 orang dan program bantuan biaya siswa kepada 15.200 anak yatim korban konflik.⁸⁵ Program pendidikan dan pelatihan ketrampilan bagi mereka yang tidak ada keahlian seperti montir, pertukangan dan kerajinan tangan, setelah dididik mereka diberi modal untuk mengembangkan usaha.

⁸⁵ Data Pejabat Badan Reintegrasi Aceh, Banda Aceh, Tahun 2008.

4.6 Institusi Sosial dan Kebudayaan

Rasa sosial dalam masyarakat Aceh begitu kuat dan kental yang dilatar belakangi oleh budaya masyarakat dan pengendalian sosial berasaskan ajaran Islam. Kehidupan di kampung begitu terikat antara satu sama lain menjadi suatu kesatuan sebagai keluarga besar yang saling menjaga tanggungjawab dan berkewajiban bersama mengikuti, mematuhi aturan keagamaan, rasa sosial dan adat budaya kebiasaan. Untuk mengendalikan aktiviti sosial budaya pemerintah Aceh membentuk institusi antaranya:

4.6.1 Dinas Sosial

Program pembangunan sosial adalah program berkenaan dengan kesejahteraan dan kepentingan masyarakat yang biasanya dilakukan oleh pemerintah, organisasi sosial dan masyarakat sendiri. Pemerintah Aceh berkewajiban memberi perlindungan dan pelayanan sosial dasar kepada penyandang masalah sosial. Menyediakan keperluan asas yang memudahkan perikehidupan penduduk Aceh yang menyandang masalah sosial, menangani korban bencana, membaik pulih prasarana umum dan harta benda perseorangan yang hancur akibat bencana.⁸⁶

Untuk mencapai kesejahteraan sosial pemerintah Aceh membentuk Dinas Sosial yang menyandang tugas menyelenggarakan kegiatan pelayanan di bidang kesejahteraan, membina keupayaan, memberi bantuan, perbaikan sosial, mengadakan penyuluhan, bimbingan dan pelatihan kepada masyarakat bidang kesejahteraan sosial.⁸⁷

Dinas sosial sentiasa melakukan bantuan untuk fakir miskin di mana pemerintah Aceh telah membantu golongan miskin untuk menurunkan kadar kemiskinan dengan bantuan

⁸⁶ Undang-Undang Tentang Pemerintahan Aceh No. 11, *Op. Cit.*, (Bab XXXII, Pasal 223 (1), 2006).

⁸⁷ Kanun Tentang Susunan Organisasi dan Tata Kerja Dinas, No. 5, *Op. Cit.*, (Bahagian Keenam, Pasal 38 dan 39, 2007).

perumahan. Pada tahun 2008 pemerintah Aceh telah melaksanakan program perumahan sehat sederhana bagi golongan miskin yang dibangun sebanyak 3.955 unit rumah yang tersebar di seluruh kabupaten dan kota.⁸⁸

Dinas Sosial memberi bantuan sosial kepada anak yatim bencana tsunami dan konflik bersejata, anak jalanan, anak cacat, anak telantar, membantu orang kurang upaya, bencana alam, korban dadah, gelandangan, pengemis, bekas narapidana, masyarakat terasing dan perempuan kesukaran ekonomi. Pemerintah Aceh dan swasta menubuhkan panti asuhan untuk menangani kesejahteraan sosial, kini di Aceh telah ditubuhkan 214 panti asuhan 10 buah milik pemerintah, 204 milik swasta, terdiri dari 190 buah panti sosial anak terlantar, 14 buah panti sosial penyandang cacat dan 14 buah panti asuhan baru yang didirikan sesudah tsunami.⁸⁹ Di Aceh terdapat 3 buah panti asuhan dari Malaysia, iaitu dari Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM), panti asuhan dari Kesultanan Melaka dan dari UMNO Johor.

Program pendanaan untuk kesejahteraan sosial diterima dari pemerintah, masyarakat, dan setelah tsunami banyak dana diterima dari bantuan pemerintah asing dan NGO internasional, yang kini terdapat hampir 16.000 orang anak dalam panti asuhan di Aceh.⁹⁰ Program pendidikan, semua anak yang tinggal di panti asuhan bersekolah di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah lanjutan atas dan program pendidikan kejuruan untuk remaja yang putus sekolah. Program sosial yang dilakukan adalah untuk kesejahteraan anak secara keseluruhan melalui panti asuhan dan kewajiban membantu anak sebagai usaha memenuhi tugas kemanusiaan dan keagamaan yang kebanyakan dilakukan oleh swasta dan organisasi Islam.

⁸⁸ *I b i d.*, h. 103.

⁸⁹ Depsos and Save the Children (2006), *Asesmen Cepat Panti Sosial Asuhan Anak Pasca Tsunami di Aceh*, Banda Aceh: Depsos and Save the Children, h. 22.

⁹⁰ *I b i d.*, h. 30.

4.6.2 Dinas Kebudayaan dan Pariwisata

Program budaya sosial pelancongan Islami sudah dicetuskan pada tahun 1990 yang disebut wisata dakwah untuk mencerminkan keistimewaan daerah Aceh. Dalam upaya pemantapan dan pengembangan daerah wisata dakwah perlu dipersiapkan secara khusus tenaga da'i /pramuwisata yang profesional, memiliki kemantapan jiwa, ketinggian budi dan ketahanan mental.⁹¹ Untuk mencapai tujuan pelancongan Islami yang penuh dengan adab, sopan santun dan berakhlak mulia, maka pemerintah Aceh membentuk Dinas Kebudayaan dan Pariwisata yang salah satu tugasnya adalah mengembangkan dan menata objek dan prasarana di bidang kebudayaan dan pariwisata atau pelancongan sesuai dengan Syariat Islam.⁹² Setelah pelaksanaan Syariat Islam di Aceh, pemerintah Aceh menubuhkan Dinas Kebudayaan dan Pariwisata untuk mengurus dan mengembangkan budaya sosial dan pelancongan secara lebih baik, teratur, sempurna dan selaras dengan pelaksanaan Syariat Islam.

4.7 Institusi Ekonomi dan Pembangunan Fizikal

Pembangunan ekonomi Aceh seperti yang disebutkan dalam prinsip ekonomi diarahkan untuk meningkatkan produktiviti dan berdaya saing demi terwujudnya kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat dengan menjunjung tinggi nilai-nilai Islam, keadilan, pemerataan dan partisipasi masyarakat dalam pola pembangunan berkelanjutan. Penggunaan ekonomi akan melahirkan pembangunan fizikal untuk keperluan dan kepentingan masyarakat dalam segala aspek kehidupan, maka pemerintah Aceh membentuk institusi yang mengurus ekonomi dan pembangunan fizikal antaranya:

⁹¹ Badruzzaman Ismail (1990), *Amal Bakti Majlis Ulama Indonesia Provinsi Daerah Istimewa Aceh 1985-1990*, Banda Aceh: Sekretariat MUI Provinsi Daerah Istimewa Aceh, h. 64.

⁹² Kanun Tentang Susunan Organisasi dan Tata Kerja Dinas, No. 5, *Op. Cit.*, (Bahagian Kesembilan Pasal 57 (d), 2007).

4.7.1 Baitul Mal

Potensi ekonomi masyarakat Islam sangat besar terutama dari sumber zakat, wakaf, hibah, sedakah dan harta agama yang perlu diurus dengan baik untuk kesejahteraan masyarakat Islam. Untuk mencapai kesejahteraan masyarakat setelah pelaksanaan Syariat Islam pemerintah Aceh membentuk Baitul Mal institusi baru yang berperanan lebih luas untuk mengurus kekayaan masyarakat Islam yang sebelumnya pengurusan seperti zakat dan harta agama dilakukan oleh Bazis yaitu badan amil zakat infak dan sedakah. Pembentukan Baitul Mal sebagaimana disebutkan bahawa dengan kanun ini dibentuk Baitul Mal Aceh, Baitul Mal kabupaten/ kota, Baitul Mal kemukiman dan Baitul Mal kampung.⁹³ Harta kekayaan masyarakat Islam di Aceh kini di urus oleh pemerintah di bawah Baitul Mal yang digunakan untuk kepentingan dan kesejahteraan masyarakat.

4.7.2 Dinas Pengelolaan Kewangan dan Kekayaan Aceh

Apabila perdamaian tercapai, Aceh mendapat pendapatan biaya yang lebih besar, ekonomi lebih berkembang untuk pembangunan dan ditambah dengan bantuan tsunami dari negara asing yang banyak mengalir ke Aceh untuk membangun kembali Aceh dari kehancuran dan kemusnahan. Pembangunan ekonomi Aceh yang lebih meningkat dan maju sangat ditentukan oleh sumber pendapatan kekayaan alam dan pajak daerah. Negeri Aceh memiliki sumber kekayaan alam yang melimpah seperti minyak, gas alam dan hasil hutan, tetapi di masa pemerintah Orde Baru, Aceh tidak mendapat pendapatan yang sesuai dengan potensi kekayaan alam yang dimiliki untuk perbaikan ekonomi. Masyarakat Aceh hidup dalam keadaan miskin dan melarat tanpa

⁹³ Kanun Tentang Baitul Mal (Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam), 2007 (Kanun No. 10, Bab II, Pasal 2, 2007).

pembelaan yang wajar sesuai dengan hasil kekayaan alam kerana pemerintah Aceh hanya mendapat biaya tetap sama dengan daerah lain di Indonesia.

Kini pembahagian pendapatan dan kekayaan untuk melonjakkan ekonomi Aceh telah diberikan secara adil setelah dimaterai perjanjian damai antara GAM dan Pemerintah Indonesia tahun 2005 dengan imbalan pemerintah Aceh memperoleh hak otonomi luas dengan Undan-Undang Pemerintahan Aceh (UUPA) dan Aceh mendapat pendapatan yang lebih besar. Sebelumnya beberapa permintaan Aceh yang tidak diperhatikan oleh pemerintah pusat, khususnya masalah pembahagian sumber daya alam, minyak dan gas bumi serta urusan pemerintahan. Sejak puluhan tahun Aceh hanya menerima subsidi yang sangat kecil, tidak seberapa lewat dana bantuan masyarakat melalui perusahaan nasional dan multinasional yang beroperasi di Aceh.⁹⁴

Setelah pelaksanaan Syariat Islam dan hasil perjanjian damai, program pembahagian pendapatan dari hasil kekayaan alam Aceh telah disepakati, diurus dan diagihkan dengan baik, berkesan dan adil, di mana pemerintah Indonesia telah mengembalikan hasil kekayaan alam yang melimpah kepada Negeri Aceh sebesar 70 %, ini merupakan sesuatu yang amat luar biasa.⁹⁵ Program pembahagian pendapatan yang seimbang dan lebih besar akan mampu melonjakkan ekonomi Aceh dan dapat meningkatkan pembangunan untuk kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat Aceh.

Pemerintah Aceh wajar menerima hak yang sepatutnya, lumrah dan sangat munasabah serta memperoleh pendapatan yang adil selaras dengan keinginan masyarakat Aceh untuk meningkatkan pembangunan ekonomi mengikut potensi kekayaan alam yang banyak dan melimpah. Untuk mengurus dan menggunakan

⁹⁴ Ibrahim Bardan (2008), *Resolusi Konflik Dalam Islam Kajian Normatif dan Historis Perspektif Ulama Dayah*, Banda Aceh: Aceh Institut Press, h. 118.

⁹⁵ Hasanuddin Yusuf Adan (2007), *Op. Cit.*, h. 33.

kekayaan ekonomi Aceh pemerintah membentuk Dinas Pengelolaan Keuangan dan Kekayaan Aceh yang melaksanakan fungsi dan wewenang antaranya: Melakukan pengendalian pelaksanaan Anggaran Pendapatan Belanja Aceh (APBA), melaksanakan pemungutan pajak daerah, memantau pelaksanaan penerimaan dan pengeluaran APBA oleh Bank, mengusahakan dan mengatur dana yang diperlukan dalam pelaksanaan APBA dan menyimpan wang daerah.⁹⁶ Dinas Pengelolaan Keuangan dan Kekayaan Aceh berkewajiban mengurus dan menggunakan kekayaan Aceh yang bersumber dari:

a. Pembahagian Pendapat Asli

Pendapatan asli Aceh adalah pendapatan daerah Aceh dan pendapatan daerah kabupaten dan kota terdiri atas: pajak daerah, retribusi daerah, hasil pengelolaan kekayaan daerah yang dipisahkan milik Aceh/ kabupaten, kota dan hasil penyertaan modal Aceh. Pendapatan asli yang diperoleh pemerintah Aceh sesuai dengan ketentuan Islam, di mana pendapatan asli terdiri dari hasil pajak, retribusi daerah, hasil kekayaan Aceh, zakat, infak lain-lain pendapatan asli Aceh dan pendapatan asli kabupaten dan kota yang sah.⁹⁷ Pendapatan asli yang sah diperoleh pemerintah Aceh dapat digunakan untuk mencapai matlamat ekonomi bagi kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat.

Penerimaan pendapatan asli daerah pada tahun 2008 merupakan ketiga terbesar berjumlah 721.7 bilion Rupiah berbanding penerimaan dana perimbangan berjumlah 2.59 trilion Rupiah dan dana otonomi khusus berjumlah 3.59 trilion Rupiah.⁹⁸ Penerimaan pendapatan asli terus meningkat setiap tahun terhadap sumber penerimaan pajak, retribusi, zakat dan lain-lain pendapatan yang sah.

⁹⁶ Kanun Tentang Susunan Organisasi dan Tata Kerja Dinas, *Op. Cit.*, (Bahagian Ketujuh Pasal 45, 2007).

⁹⁷ Undang-Undang Tentang Pemerintahan Aceh No. 11, *Op. Cit.*, (Bab XXIV, Pasal 180 (1), 2006).

⁹⁸ Pemerintah Aceh Tahun 2009, *Op. Cit.*, h. 34.

b. Pembagian Dana Perimbangan

Pendapatan dari dana perimbangan yang diterima pemerintah Aceh lebih besar jumlah peratusannya yang terdiri dari: Bahagian dari penerimaan pajak bumi dan bangunan sebesar 90 %. Penerimaan biaya perolehan hak atas tanah dan bangunan sebesar 80 %. Dana bagi hasil sumber daya alam dari hutan, perikanan, pertambangan umum dan pertambangan panas bumi, masing-masing 80 %. Bahagian dari pertambangan minyak sebesar 15 %. Bahagian pertambangan gas bumi sebesar 30 %. Pemerintah Aceh mendapat tambahan dana bagi hasil bahagian dari pertambangan minyak sebesar 55 % dan bahagian dari pertambangan gas bumi sebesar 40 % setiap tahun.⁹⁹

Dana perimbangan dan dana bagi hasil minyak dengan pemerintah pusat merupakan pendapatan dalam Anggaran Pendapatan Belanja Aceh (APBA). Dana perimbangan diperuntukkan paling sedikit, iaitu 30 % digunakan untuk membiayai pendidikan di Aceh dan paling sedikit, iaitu 70 % digunakan untuk membiayai program pembangunan yang disepakati bersama antara pemerintah Aceh dengan pemerintah kabupaten dan kota.¹⁰⁰

Pembahagian dana perimbangan antara kabupaten/kota dan provinsi Aceh mengikut kanun tata cara pengalokasian bagi hasil minyak dan gas, adalah 70 % (tujuh puluh persen) dari pendapatan minyak dan gas bumi digunakan untuk program dan kegiatan pembangunan yang dilakukan di kawasan kabupaten/ kota dan 40 % (empat puluh persen) diperuntukkan bagi program dan kegiatan pembangunan yang dilakukan

⁹⁹ Undang-Undang Tentang Pemerintahan Aceh No. 11, *Op. Cit.*, (Bab XXIV, Pasal 181 (1-3), 2006).

¹⁰⁰ *I b i d.*, Pasal 182 (3-4).

oleh pemerintah Aceh di peringkat provinsi bagi setiap tahun, dana ini telah mampu melonjakkan pembangunan dan meningkatkan kemakmuran.

c. Pembahagian Dana Otonomi Khusus

Dana otonomi khusus adalah dana yang bersumber dari penerimaan Anggaran Pendapatan Belanja Negara (APBN) Indonesia yang menjadi bahagian dari penerimaan pemerintah Aceh. Dana otonomi khusus mengikut kanun Pengelolaan Kewangan Aceh merupakan penerimaan pemerintah Aceh yang ditujukan untuk membiayai pembangunan terutama pembangunan asas, membiayai infrastruktur, peningkatan ekonomi masyarakat, pengentasan kemiskinan, serta pendanaan pendidikan, kesejahteraan sosial dan kesihatan.¹⁰¹

Dana otonomi khusus yang diterima pemerintah Aceh mengikut Undang-Undang Pemerintahan Aceh (UUPA) berlaku untuk jangka masa 20 tahun dengan rincian untuk tahun pertama sampai tahun ke- 15 yang besarnya setara dengan 2 % dari plafon dana alokasi umum nasional dan untuk tahun ke- 16 sampai dengan tahun 20 yang besarnya setara 1 % dari plafon dana alokasi umum nasional.¹⁰² Dana Otonomi Khusus bersumber dari Anggaran Pendapatan Belanja Negara Indonesia diterima Pemerintah Aceh tahap pertama mulai tahun 2008 sampai tahun 2022 setara 2 % (dua persen) pagu dana alokasi umum nasional dan tahap kedua mulai tahun 2023 sampai dengan tahun 2028 setara dengan 1 % (satu persen) pagu dana alokasi umum nasional.¹⁰³

¹⁰¹ Kanun Tentang Pengelolaan Kewangan Aceh (Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam) 2008 (Kanun No.1. Bab II, Pasal 29 (1), 2008).

¹⁰² Undang-Undang Tentang Pemerintahan Aceh No. 11, *Op. Cit.*, Bab XXIV, Pasal 183 (2), 2006).

¹⁰³ Kanun Tentang Tata Cara Pengalokasian Tambahan Dana Bagi Hasil Minyak dan Gas Bumi dan Penggunaan Dana Otonomi Khusus (Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam), 2008 (Kanun No. 2. Bab II, Pasal 8 (3), 2008).

Penerimaan pertama tahun 2008 mencapai 3,5 triliun Rupiah dan terus meningkat setiap tahun sehingga pada tahun 2011 pemerintah Aceh menerima 4,5 triliun Rupiah, ini merupakan penerimaan yang cukup besar bagi pemerintah Aceh. Besar penggunaan dana otonomi khusus antara pemerintah provinsi Aceh dengan pemerintahan kabupaten dan kota seperti tersebut dalam kanun tata cara pengalokasian dana tambahan minyak, gas dan penggunaan dana otonomi khusus iaitu, paling sedikit 40 % (empat puluh persen) digunakan untuk program dan kegiatan pembangunan Aceh. Paling sedikit 60 % (enam puluh persen) diagihkan untuk program dan kegiatan pembangunan kabupaten/ kota.¹⁰⁴ Dana ini mampu melonjakkan pembangunan di Aceh dan dapat memenuhi tuntutan matlamat ekonomi untuk mencapai kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat.

4.7.3 Penyusunan Institusi Wilayah

Dalam usaha meningkatkan program pembangunan jangka panjang, pemerintah Aceh sejak tahun 2002 telah menaik taraf institusi pemerintah terendah menjadi kabupaten, yang dulu hanya terdapat 10 kabupaten/ kota, sekarang di Aceh memiliki 23 kabupaten dengan 13 kabupaten/ kota yang baru di naik taraf. Demikian juga daerah terendah (distrik) yang dinaik taraf dari beberapa kemukiman yang digabungkan menjadi kecamatan, yang kini telah terbentuk 40 kecamatan baru, yang dulu 239 kecamatan, sehingga kini menjadi 279 kecamatan.¹⁰⁵ Setiap kabupaten dan kota mendapat dana pembangunan untuk membangun kawasan masing-masing dengan biaya yang lebih besar dibandingkan dengan dahulu, seperti yang tersebut di atas bahawa dana minyak dan gas 70 % dan dana otonomi khusus 60 % dari dana pembangunan pemerintah Aceh diperuntukkan untuk kabupaten/ kota dan 40 % untuk peringkat

¹⁰⁴ *I b i d.*, Pasal 11 (1).

¹⁰⁵ Data Tahun 2007, Pejabat Gubernur Nanggroe Aceh Darussalam

provinsi yang dapat mempercepat mengurangi kemiskinan, membangun kemakmuran dan meningkatkan kesejahteraan.

Kabupaten dan kota yang dipimpin oleh bupati dan wali kota memiliki tugas untuk membangun kawasan masing-masing dan berkewajiban menegakkan seluruh peraturan undang-undangan, menegakkan pelaksanaan Syariat Islam, membina pendidikan adat istiadat dan kebudayaan, meningkatkan kesejahteraan masyarakat, tetap memelihara dan menjunjung tinggi asas demokrasi dalam penyelenggaraan pemerintahan dan mengajukan rancangan dan menetapkan kanun bersama dengan Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) kabupaten dan kota.¹⁰⁶

Pemerintah kabupaten dan kota memiliki hak otonomi dan wewenang untuk membangun dan memakmurkan daerah masing-masing. Sejak menaik taraf 13 kabupaten baru dan kecamatan baru, telah mampu meningkatkan pembangunan, terbuka peluang pekerjaan dengan diterima banyak para pegawai kerajaan untuk mengisi jawatan kepegawaian yang diperlukan di peringkat kabupaten, kota dan kecamatan baru tersebut. Di samping itu banyak tokoh masyarakat telah mengambil bahagian dan peluang untuk mengisi jawatan politik sebagai bupati, pegawai atasan dan ramai tokoh masyarakat yang mengisi jawatan anggota Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) di kabupaten dan kota yang baru dibentuk. Pembangunan infrastruktur asas yang diperlukan di peringkat kabupaten/kota dan kecamatan baru telah dibangun seperti jalan, jambatan, gedung pemerintahan, arus transportasi, jalur informasi dan pelbagai keperluan untuk pelayanan masyarakat.

¹⁰⁶ Kanun Tentang Susunan, Kedudukan dan Kewenangan Kabupaten atau Kota Dalam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam (Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam), 2003 (Kanun No. 2, Bab X, Pasal 15, 2003).

4.7.4 Dinas Bina Marga dan Cipta Karya

Pembangunan material atau fizikal merupakan program pembinaan prasarana asas yang diperlukan untuk kepentingan masyarakat bagi memperlancar gerak perjalanan, mempercepat komunikasi, meningkatkan aktiviti dan memperbaiki kualiti dalam segala aspek kehidupan masyarakat Islam. Prasarana atau infrastruktur asas yang terpenting dibangun oleh pemerintah untuk kegunaan masyarakat seperti pembangunan jalan, jambatan, irigasi transportasi laut, udara, telekomunikasi dan prasarana pejabat bagi pegawai pemerintah.

Untuk mencapai pembinaan infrastruktur dan pembangunan prasarana maka pemerintah Aceh membentuk Dinas Bina Marga dan Cipta Karya yang bertanggungjawab membangun infrastruktur asas untuk kepentingan masyarakat Islam di Aceh. Dinas Bina Marga dan Cipta Karya mempunyai fungsi melaksanakan tugas umum pemerintahan dan pembangunan di bidang jalan, jambatan, gedung pemerintah dan penataan perkotaan dan pemukiman sesuai dengan peraturan perundang-undangan yang berlaku.¹⁰⁷ Dinas Bina Marga melakukan perencanaan pembangunan dan pemeliharaan prasarana asas dan memperlancar lalu lintas keperluan masyarakat.

4.8 Institusi Pengawasan dan Pemantauan

Pemerintah Aceh dalam melaksanakan pembangunan telah melakukan pemantauan dan pengawasan dengan dibentuk beberapa institusi anti korupsi untuk mengawasi penggunaan kewangan dan penyalahgunaan kuasa dalam pelaksanaan program pembangunan. Badan atau institusi pengawasan dan pemantauan di Aceh

¹⁰⁷ Kanun Tentang Susunan Organisasi dan Tata Kerja Dinas, *Op. Cit.*, (Bahagian Ketigabelas, Pasal 79, 2007).

terdiri dari: Gerakan Anti Korupsi Aceh (GERAK) Aceh, Team Anti Korupsi Pemerintah (TAKPA), Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK), Satuan Anti Korupsi (SAK) BRR, Indonesia Corruption Watch (ICW) dan Forum Komunikasi dan Keordinasi (FKK) Damai Aceh.

Pemerintah Aceh sudah membangun suatu mekanisme kontrol dan pengawasan yang ketat agar para pemimpin formal dari level tertinggi sampai terendah memperlihatkan keteladanan yang baik, taat pada agama, hidup sederhana, menegakkan keadilan, taat pada hukum, tidak melakukan korupsi, kolusi dan nepotisme dalam bentuk apapun sehingga menjadi contoh teladan bagi masyarakat.¹⁰⁸ Melahirkan pemerintah Aceh yang bersih dari korupsi dan penyalah guna kuasa merupakan keinginan dan harapan masyarakat Aceh supaya pemerintah Aceh berjalan selaras dengan pelaksanaan Syariat Islam. Masyarakat berharap para birokrat Aceh adalah orang-orang yang benar dalam berbicara, benar dalam berbuat, benar dalam menerima dan menyampaikan amanah, jujur, ikhlas dalam beramal untuk menjalankan tugas birokrasi yang Islami di Nanggroe Aceh Darussalam.¹⁰⁹

Pegawai atau kakitangan kerajaan perlu berpegang kepada etika dan moral dalam melaksanakan tugas dan melayani keperluan masyarakat. Dengan berpegang pada nilai-nilai jujur, adil, tepat janji, tata aturan, tanggungjawab, responsif, hati-hati, sopan santun maka pegawai pemerintah dapat menjalankan pemerintahan dan memberi pelayanan kepada masyarakat yang sesuai dengan harapan sehingga memelihara kepercayaan masyarakat terhadap mereka.¹¹⁰ Program pemerintahan Aceh yang bersih dari rasuah, korupsi dan penyalah guna kuasa sesuai dengan tuntutan ajaran Islam dan

¹⁰⁸ Pemerintah Aceh Tahun 2009, *Op. Cit.*, h. 11.

¹⁰⁹ Misri A. Muhsin (2007), *et al.* (eds.), *Buku Panduan Pelaksanaan Syari'at Islam Bagi Birokrat*, Banda Aceh: IAIN Ar-Raniry dan Dinas Syari'at Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 60.

¹¹⁰ Syamsul Rijal & Mulyadi Kurdi (2009), *Merajut Damai Berbekal Syari'at Islam*, Banda Aceh: Dinas Syari'at Islam Aceh, h. 22.

selaras dengan pelaksanaan Syariat Islam di Aceh untuk melahirkan pemimpin yang berwibawa, disegani dan menjadi contoh teladan bagi masyarakat.

4.9 Kesimpulan

Program pembangunan keagamaan dalam masyarakat Aceh telah tingkatan setelah pelaksanaan Syariat Islam dengan memperkuat kembali tanggungjawab dan kewajiban orang tua untuk mendidik anak tentang ajaran Islam dengan dikeluarkan peraturan daerah dan kanun bagi membangun akidah, syariah dan akhlak dalam institusi keluarga. Pelaksanaan Syariat Islam telah membawa transformasi dalam penerapan undang-undang syariat dengan meningkatkan pengamalan ajaran Islam melalui institusi tempat ibadah dengan memakmurkan Masjid dan *Meunasah*. Pemerintah telah memberi kebebasan dalam berdakwah tanpa sekatan kepada individu, institusi dakwah organisasi dan institusi dakwah pemerintah.

Program pembangunan dalam masyarakat Aceh telah dilaksanakan melalui institusi keluarga, Masjid dan *Meunasah*, institusi dakwah, pendidikan dan institusi pemerintah telah dapat meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat dalam segala aspek kehidupan. Pemerintah Aceh pula telah mewujudkan sistem pendidikan Islami dan pemerintah telah memberlakukan pendidikan percuma mulai dari sekolah rendah sampai sekolah menengah sehingga telah menjadikan semua pendidikan berwawasan Islam untuk mendokong pelaksanaan Syariat Islam. Pembangunan sosial pula telah dilakukan melalui institusi pemerintah dengan program untuk meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan sosial masyarakat seperti memberi bantuan untuk masyarakat miskin, membantu anak bermasalah, membantu orang kurang upaya, menengani bencana alam dan membangun panti asuhan.

Program pembangunan ekonomi di Aceh telah dapat dilakukan lebih baik dengan memperoleh hak otonomi luas yang mendapat pembahagian pendapatan yang lebih besar dari sumber kekayaan alam, mendapat pendapatan yang adil dari pelbagai sumber untuk membangun infrastruktur asas. Pemerintah Aceh telah memperoleh pendapatan hak otonomi khusus, dapat menaik taraf wilayah, mendapat bantuan dana untuk bencana tsunami, memperoleh bantuan dana reintergrasi dari hasil perjanjian damai dan program menjalankan pemerintah yang bersih dari korupsi, kolusi dan nepotisme melalui institusi pemantauan dan pengawasan.